


Telefon Pintar Cat® S60

Manual pengguna



Sila Baca Sebelum Meneruskan

Langkah Keselamatan

Sila baca langkah keselamatan dengan teliti untuk memastikan telefon bimbit anda digunakan dengan betul.

Walaupun peranti ini lasak, elakkan daripada memukul, membaling, menjatuhkan, menghancurkan, melenturkan dan mencucuk telefon bimbit anda.

Elakkan daripada menggunakan telefon bimbit anda dalam persekitaran yang lembap, seperti di dalam bilik mandi. Jangan rendam atau basuh telefon bimbit anda dalam cecair dengan sengaja.

Jangan hidupkan telefon bimbit anda apabila dilarang untuk menggunakan telefon atau apabila telefon boleh mengakibatkan gangguan atau bahaya.

Jangan gunakan telefon bimbit anda semasa memandu.

Patuhi mana-mana peraturan atau pengawalaturan di hospital dan kemudahan penjagaan kesihatan. Matikan telefon bimbit anda berhampiran peralatan perubatan.

Matikan telefon bimbit anda di dalam pesawat. Telefon mungkin mengakibatkan gangguan terhadap peralatan kawalan pesawat.

Matikan telefon bimbit anda apabila berhampiran peranti elektronik kepersisian tinggi. Telefon mungkin menjejaskan prestasi peranti tersebut.

Jangan cuba untuk menyahhimpun telefon bimbit anda atau aksesoriya. Hanya kakitangan yang berkelayakan sahaja dibenarkan untuk menservis atau membaiki telefon.

Jangan letakkan telefon bimbit anda atau aksesoriya di dalam bekas dengan medan elektromagnet yang kuat.

Jangan letakkan media storan magnetik berhampiran telefon bimbit anda. Radiasi daripada telefon mungkin memadam maklumat yang tersimpan padanya.

Jangan letakkan telefon bimbit anda di tempat bersuhu tinggi atau menggunakannya di satu tempat dengan gas mudah terbakar seperti stesen minyak.

Simpan telefon bimbit dan aksesoriya di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak. Jangan izinkan kanak-kanak untuk menggunakan telefon bimbit anda tanpa bimbingan.

Gunakan bateri dan pengecas yang diluluskan sahaja untuk mengelakkan risiko letupan.

Patuhi mana-mana undang-undang atau peraturan berkenaan penggunaan peranti wayarles. Hormati privasi dan hak undang-undang orang lain apabila menggunakan peranti wayarles anda.

Jangan gunakan telefon bimbit di dalam pesawat, hospital, stesen gas atau garaj profesional.

Bagi implan perubatan pesakit (jantung, insulin, dsb.), pastikan telefon bimbit berjarak sekurang-kurangnya 15cm daripada implan dan semasa panggilan, pastikan telefon berada di bahagian bertentangan dengan implan.

Patuhi arahan berkaitan dalam manual ini dengan teliti ketika menggunakan kabel USB. Jika tidak, telefon bimbit atau PC anda mungkin rosak.

Notis Undang-undang

© 2016 Caterpillar. Hak Cipta Terpelihara.

CAT, CATERPILLAR, BUILT FOR IT, logo masing-masing, "Caterpillar Yellow," reka bentuk dagangan "Power Edge" serta identiti korporat dan produk yang digunakan di sini, adalah tanda dagangan Caterpillar dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran.

Bullitt Mobile Ltd adalah pemegang lesen Caterpillar Inc.

Tanda dagangan Bullitt Mobile Ltd. dan pihak ketiga adalah harta pemilik masing-masing.

Dokumen ini tidak boleh disalin atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa keizinan bertulis Caterpillar Inc. terlebih dahulu.

Produk yang diperihalkan dalam manual ini mungkin termasuk perisian hak cipta dan pemberi lesen yang berkemungkinan. Pelanggan dilarang dalam apa-apa cara sekalipun menghasilkan semula, mengedar, mengubah suai, menyahkompilasi, menyahhimpun, menyahsulit, mengekstrak, menjurutera berbalik, menyewa, memperuntuk atau memberi sublesen perisian atau perkakasan tersebut, melainkan jika sekatan sedemikian dilarang oleh undang-undang berkaitan atau tindakan sedemikian telah diluluskan oleh pemegang hak cipta masing-masing di bawah lesen.

Notis

Sesetengah ciri produk dan aksesori yang diperihalkan di sini bergantung pada perisian yang dipasang, kapasiti dan tetapan rangkaian tempatan, dan mungkin tidak diaktifkan atau mungkin dihadkan oleh pengendali rangkaian tempatan atau pembekal perkhidmatan rangkaian. Oleh itu, perihalan di sini mungkin tidak betul-betul sepadan dengan produk atau aksesori yang dibeli oleh anda.

Pengilang berhak untuk menukar atau mengubah suai apa-apa maklumat atau spesifikasi yang terkandung dalam manual ini tanpa notis awal atau kewajipan.

Pengilang tidak bertanggungjawab terhadap kesahihan dan kualiti mana-mana produk yang anda muat naik atau muat turun melalui telefon bimbit ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada teks, gambar, muzik, filem dan perisian tidak terbina dalam dengan perlindungan hak cipta. Apa-apa akibat yang timbul daripada pemasangan atau penggunaan produk sebelumnya pada telefon bimbit ini akan ditanggung oleh diri anda sendiri.

TIADA WARANTI

Kandungan manual ini disediakan "sebagaimana adanya". Kecuali sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang berkaitan, tiada apa-apa jaminan, sama ada nyata atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada, waranti tersirat bagi kebolehdagangan dan kesesuaian untuk tujuan tertentu, dibuat berkaitan dengan ketepatan, kebolehpercayaan atau kandungan manual ini.

Hingga setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, pengilang tidak akan sekali-kali bertanggungjawab terhadap apa-apa ganti rugi khas, sampingan, tidak langsung atau berbangkit, atau kehilangan untung, urusan niaga, pendapatan, data, muhibah atau penjimatan yang diramalkan.

Peraturan Import dan Eksport

Pelanggan hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan eksport atau import yang berkaitan dan harus mendapatkan semua permit dan lesen kerajaan yang diperlukan untuk mengeksport, mengeksport semula atau mengimport produk yang dinyatakan dalam manual ini termasuk perisian dan data teknikal di dalamnya.

Kandungan

Selamat datang ke Telefon Pintar Cat® S60	1
Fungsi asas	1
Fungsi utama	2
Bermula	3
Menghidupkan telefon bimbit anda	5
Skrin sentuh	5
Skrin utama.....	5
Mengunci dan membuka kunci skrin	6
Paparan	7
Tataletak paparan	7
Panel pemberitahuan	8
Ikon pintasan.....	8
Widget	9
Folder.....	9
Hias latar	9
Pemindahan media ke dan dari telefon bimbit anda	10
Menggunakan Mod pesawat.....	10
Telefon	11
Membuat panggilan	11
Menjawab dan menolak panggilan.....	12
Pengendalian lain semasa panggilan	12
Kenalan	13
Berkomunikasi dengan kenalan anda.....	14
Menggunakan papan kekunci pada skrin.....	15
Wi-Fi	15
SMS dan MMS	16
Bluetooth	18
Mengambil foto dan merakam video	19
Menggunakan kamera haba.....	21
Menikmati muzik	24
Mendengar radio FM.....	25
Perkhidmatan Google	26
Google Maps™	28
Menggunakan Gedung Google Play	29

Menyegerakkan maklumat	30
Menguruskan akaun anda	30
Menyesuaikan penyegerakan akaun anda	31
Menggunakan aplikasi lain	31
Menggunakan kalendar	31
Menggunakan penggera.....	32
Kalkulator	32
Menguruskan telefon bimbit anda.....	33
Menetapkan tarikh dan masa	33
Menetapkan paparan	33
Menetapkan nada dering telefon	34
Mengkonfigurasi kekunci boleh diprogramkan	34
Menggunakan panduan pengguna & pilihan	35
Menetapkan perkhidmatan telefon.....	35
Melindungi telefon bimbit anda.....	35
Menggunakan NFC.....	36
Menggunakan kekunci SOS	37
Menguruskan aplikasi	38
Menetap semula telefon bimbit anda.....	39
Tetapan semula perkakasan peranti anda.....	39
Melihat E-label	40
Lampiran	41
Amaran dan Langkah Berjaga-jaga.....	41
Aksesori.....	42
Pembersihan dan penyelenggaraan	43
Keserasian Alat Bantuan Pendengaran (HAC).....	44
Panggilan kecemasan	44
Pernyataan FCC.....	45
Pernyataan Industri Kanada.....	45
Maklumat pendedahan RF (SAR)	46
Pencegahan kehilangan pendengaran	47
Pernyataan Kepatuhan	47
Pematuhan CE SAR	48
Maklumat pelupusan dan kitar semula	48
Spesifikasi Teknikal Kamera Haba Cat® S60	50

Selamat datang ke Telefon Pintar Cat® S60

Telefon pintar S60 direka bentuk untuk luar rumah, dengan ciri-ciri untuk menghadapi persekitaran yang mencabar. Dilengkapi dengan FLIR haba terbina dalam, S60 akan memberikan anda imejan haba dan berbilang meter titik yang membolehkan anda mengenal pasti suhu dalam imej anda secara retroaktif. Ia diperakui mengikut piawai industri kelasakan yang tertinggi, IP68, supaya ia boleh bertahan sehingga kedalaman 5 meter selama 60 minit dan ia juga boleh mengambil gambar dan merakam video di dalam air. Ia juga menyokong skrin sentuh yang serasi dengan sarung tangan dan jari basah. Ia mempunyai kaca tahan calar, kalis habuk dan dapat bertahan kejatuhan dari ketinggian 1.8m.

Fungsi asas

Telefon sekilas pandang

1. Kamera hadapan
2. Alat dengar
3. Suis air 5m
4. Pembesar Suara
5. Butang Apl terbaru
6. Kekunci menu
7. Butang kembali
8. Bicu set kepala
9. Port USB
10. Butang SOS
11. Kekunci boleh diprogramkan
12. Kekunci kuasa
13. Kamera 13MP
14. Kamera haba
15. Mikrofon
16. Selak pintu SIM/SD
17. Selak Penutup kad
18. Denyar
19. Kekunci naik/turun kelantangan



Nota:

Semasa penggunaan biasa, suis air 5m (3) hendaklah ditetapkan kepada 2m dan bukan 5m kerana ini akan menjejaskan prestasi audio.

Fungsi utama

Kekunci kuasa

- Tekan untuk menghidupkan telefon bimbit anda.
- Tekan dan tahan untuk membuka menu pilihan Telefon.
- Tekan untuk mengunci atau membangkitkan skrin apabila telefon bimbit sedang tidur.

Kekunci menu

- Tekan pada bila-bila masa untuk memaparkan skrin Utama.
- Ikon Google™ akan dipaparkan apabila anda tekan kekunci Menu dengan lama. Sentuh ikon pada paparan untuk melancarkan carian Google atau Google Now™.
- Dwiketik untuk membangkitkan skrin apabila telefon anda sedang tidur.

Butang Apl terbaru

Tekan untuk menyenaraikan aplikasi yang digunakan baru-baru ini.

Butang kembali

- Tekan untuk memaparkan skrin yang dipaparkan sebelumnya.
- Gunakan untuk menutup papan kekunci pada skrin.


Kekunci naik/ turun kelantangan

- Kelantangan – Tekan kekunci **Naik kelantangan** untuk meningkatkan kelantangan, atau kekunci **Turun kelantangan** untuk mengurangkan kelantangan.
- Tangkapan skrin – Tekan kedua-dua kekunci **Kuasa** dan **Turun kelantangan** dengan serentak.
- Apabila dalam apl kamera, tekan kekunci **Naik/turun kelantangan** untuk mengambil gambar anda dengan serta-merta. Kekunci **Naik/turun kelantangan** juga mempunyai fungsi lain apabila apl kamera tidak digunakan.

Bermula

Memasang kad SIM nano

1. Menggunakan hujung jari anda, tarik selak pintu SIM/SD ke belakang untuk mencapai slot kad SIM/SD.
2. Masukkan SIM nano ke dalam salah satu slot kad SIM dengan sentuhan emas menghadap ke bawah.




Nota:


- Jika anda ingin menggunakan berbilang kad SIM, ulangi prosedur yang sama untuk memasang kad SIM nano lain.
- Sebelum mengeluarkan kad SIM nano daripada slot kad SIM2, anda amat disyorkan untuk mengeluarkan kad memori pertama bagi capaian mudah kepada slot kad SIM2. Ambil perhatian terhadap tuil untuk mengeluarkan SIM 2.

Memasang kad memori

1. Menggunakan hujung jari anda, tarik selak pintu SIM/SD ke belakang untuk mencapai slot kad SIM/SD.



2. Masukkan kad microSD ke dalam slot kad memori dengan sentuhan emas menghadap ke bawah.



Nota:

- Untuk mengeluarkan kad microSD, tarik pinggir kad memori dan keluarkannya daripada slot.
- Jangan paksa kad microSD kerana ini boleh merosakkan kad memori atau slot.

Mengecas baterai

S60 mempunyai baterai yang terbenam. Untuk mengisi baterai:

1. Sambungkan kabel USB yang dibekalkan dengan telefon bimbit anda kepada pengecas.

Nota:


Gunakan pengecas dan kabel yang diluluskan Cat® sahaja. Peralatan yang tidak diluluskan boleh menyebabkan kerosakan pada peranti atau mengakibatkan bateri meletup.

2. Buka penutup port USB. Sambungkan kabel USB kepada port USB telefon anda.

Nota:

Pastikan anda tidak menggunakan daya kekuatan yang melampau apabila memasang kabel USB.

Pastikan anda menggunakan orientasi palam yang betul. Kerosakan boleh disebabkan oleh percubaan untuk memasukkan penyambung dengan cara yang salah, hal ini tidak dilindungi oleh waranti.



3. Sambungkan USB kepada palam sesalur kuasa AC yang sesuai dan sambung dengan selamat kepada bekalan kuasa utama.
4. Apabila pengisian selesai, tanggalkan penyambung daripada peranti dan kemudian tanggalkan pengecas dinding.

Maklumat penting tentang bateri

Jika bateri dinyahcas, anda mungkin tidak dapat menghidupkan telefon bimbit anda dengan serta-merta selepas anda mula mengisi bateri. Sebelum anda cuba menghidupkan telefon, cas bateri selama beberapa minit ketika telefon masih dimatikan. Animasi pengisian pada skrin mungkin tidak dipaparkan ketika tempoh ini.

Masa yang diperlukan untuk mengisi bateri bergantung pada suhu persekitaran dan usia bateri.

Apabila tahap kuasa bateri rendah, telefon memainkan amaran dan memaparkan gesaan. Apabila kuasa bateri hampir habis, telefon anda akan dimatikan secara automatik.

Menghidupkan telefon bimbit anda

Menghidupkan telefon bimbit anda

Tekan kekunci **Kuasa** (⏻).

Kali pertama anda menghidupkan telefon anda, anda akan melihat skrin Selamat Datang. Pilih bahasa pilihan anda dan sentuh ikon Mula (→) untuk meneruskan proses persediaan.

Nota:

Jika perlindungan nombor pengenalan peribadi (PIN) didayakan pada kad SIM anda, anda akan diminta untuk memasukkan PIN anda sebelum skrin Selamat Datang dipaparkan. Wi-Fi atau sambungan Data diperlukan untuk melengkapkan proses persediaan.

Anda kini akan digesa untuk mendaftar masuk dengan akaun Google sedia ada anda, atau menyediakan akaun baharu dan menyelesaikan proses persediaan.

Nota:

Anda boleh melangkau proses persediaan akaun untuk dilengkapkan pada waktu lain. Akaun Google diperlukan untuk menggunakan sesetengah perkhidmatan Google yang ditawarkan melalui peranti anda.

Mematikan telefon bimbit anda

1. Tekan dan tahan kekunci **Kuasa** untuk membuka menu pilihan Telefon.
2. Sentuh **Matikan kuasa**.

Skrin sentuh

Tindakan skrin sentuh

Sentuh: Sentuh menggunakan hujung jari anda untuk memilih item, mengesahkan pilihan atau memulakan aplikasi.

Sentuh dan tahan: Sentuh item dengan hujung jari anda dan terus menekan sehingga telefon bimbit anda bertindak balas. Sebagai contoh, untuk membuka menu pilihan bagi skrin aktif, sentuh skrin dan tahan sehingga menu muncul.

Leret: Gerakkan jari anda merentas skrin sama ada menegak atau melintang. Sebagai contoh, leret ke kiri atau kanan untuk menukar antara gambar.

Seret: Sentuh dan tahan item yang diinginkan dengan jari. Seret item ke mana-mana bahagian skrin. Anda boleh menyeret ikon untuk mengalih atau memadamnya.

Skrin utama

Selepas anda mendaftar masuk, atau apabila anda menghidupkan telefon, Skrin Utama dibuka. Skrin Utama ialah titik permulaan anda untuk mencapai semua ciri pada telefon anda. Ia memaparkan ikon aplikasi, widget, pintasan dan ciri-ciri lain. Anda boleh menyesuaikan Skrin Utama dengan hias latar yang berlainan dan memaparkan item yang anda mahu.

Skrin Utama mempunyai ikon Pelancar (⋮). Sentuh ini untuk melihat dan melancarkan aplikasi (apl) yang dipasang.

Nota:

Menekan lama pada ruang kosong di Skrin Utama akan melancarkan pintasan ke Hias Latar, Widget dan Tetapan.

Mengunci dan membuka kunci skrin

Mengunci skrin

Apabila telefon bimbit anda dihidupkan, tekan kekunci **Kuasa** untuk mengunci skrin. Apabila skrin dikunci, anda masih boleh menerima mesej dan panggilan.

Jika anda membiarkan telefon bimbit anda tanpa diusik buat seketika, skrin akan dikunci secara automatik.

Membuka kunci skrin

Tekan kekunci **Kuasa** untuk membangkitkan skrin. Kemudian seret ikon kunci (🔒) ke atas untuk membuka kunci skrin. Masukkan corak atau kod PIN jika perlu.

Untuk menggunakan fungsi Kamera terus daripada skrin kunci, seret ikon kamera (📷) ke atas untuk melancarkan Apl Kamera.

Untuk menggunakan fungsi Carian Google Voice terus daripada skrin kunci, seret ikon carian suara (🗣️) ke atas untuk melancarkan Apl Carian Google Voice.

Nota:

Jika anda telah menyediakan kunci skrin, anda akan digesa untuk membuka kunci skrin. Untuk mendapatkan butiran lanjut, rujuk pada "Melindungi Telefon Bimbit Anda dengan Kunci Skrin" pada halaman 39.

Paparan

Tataletak paparan

Pemberitahuan dan maklumat status

Bar Status akan muncul di bahagian atas setiap skrin. Ia memaparkan ikon pemberitahuan, seperti panggilan tidak dijawab atau mesej yang diterima (di sebelah kiri) dan ikon status telefon, seperti status bateri (di sebelah kanan) dan juga waktu semasa.



Ikon status

4G	Disambungkan kepada rangkaian mudah alih 4G		Tiada isyarat
LTE	Disambungkan kepada rangkaian mudah alih LTE		Mod bergetar
3G	Disambungkan kepada rangkaian mudah alih 3G		Lokasi ditemui
G	Disambungkan kepada rangkaian mudah alih GPRS		Bateri sudah penuh
E	Disambungkan kepada rangkaian mudah alih EDGE		Bateri sedang dicas
H	Disambungkan kepada rangkaian mudah alih HSDPA		Radio FM dihidupkan
H+	Disambungkan kepada rangkaian mudah alih HSPA+		Mod pesawat
R	Perayauan		Disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi
	Kekuatan isyarat rangkaian mudah alih		Disambungkan kepada peranti Bluetooth

Ikon pemberitahuan

	Mesej e-mel baharu		Panggilan tidak dijawab
	Penggera telah ditetapkan		Fon pembesar suara diaktifkan
	Peristiwa akan datang		Mikrofon telefon diredamkan
	Data sedang disegerak		Memuat turun data
	Masalah dengan daftar masuk atau penyegerakan		Telefon disambungkan melalui kabel USB
	Tangkapan skrin diambil		Mesej teks baharu
	Fon kepala disambungkan		

Panel pemberitahuan

Telefon bimbit anda akan memberitahu anda apabila anda menerima mesej baharu atau terdapat peristiwa yang akan datang. Panel pemberitahuan juga memberitahu anda tentang penggera dan tetapan. Buka panel pemberitahuan untuk melihat pengendali rangkaian wayarles atau untuk melihat mesej, peringatan atau pemberitahuan peristiwa.

Membuka panel pemberitahuan

1. Apabila ikon pemberitahuan baharu muncul pada bar pemberitahuan, sentuh bar pemberitahuan dan kemudian seret ke bawah untuk membuka panel pemberitahuan.
2. Sentuh pemberitahuan untuk membuka aplikasi berkaitan.

Menutup panel pemberitahuan

Untuk menutup terus pemberitahuan (tanpa melihatnya), hanya sentuh dan tahan pemberitahuan tersebut serta seretnya ke sebelah kiri/kanan skrin.

Untuk menutup panel pemberitahuan, leret bahagian bawah panel ke atas untuk menutup panel pemberitahuan.

Ikon pintasan

Menambah item skrin yang baharu

1. Daripada skrin Utama, sentuh  untuk memaparkan semua aplikasi.
2. Untuk menambah item, seret ikon aplikasi ke skrin Utama yang khusus.

Mengalih item skrin

1. Sentuh dan tahan ikon aplikasi pada skrin Utama sehingga ikon diperbesar.
2. Tanpa mengangkat jari anda, seret ikon ke kedudukan yang diinginkan pada skrin, kemudian lepaskannya.

Nota:

Ruang harus cukup untuk memuatkan ikon pada panel skrin Utama semasa.

Mengalih keluar item skrin

1. Sentuh dan tahan ikon aplikasi pada skrin Utama sehingga ikon diperbesar.
2. Tanpa mengangkat jari anda, seret item ke **Alih keluar**. Kemudian lepaskan jari anda untuk mengalihkeluarnya daripada skrin Utama.
3. Anda juga boleh menyahpasang aplikasi dengan mengikut langkah 1 dan 2 serta menyeret aplikasi ke **Nyahpasang** di bahagian atas skrin.

Widget

Widget membolehkan anda melihat pratonton atau menggunakan aplikasi. Anda boleh meletakkan widget pada skrin Utama anda sebagai ikon atau tettingkap pratonton. Beberapa widget dipasang pada telefon anda secara lalai. Lebih banyak widget boleh dimuat turun pada Google Play.

Menambah widget

1. Daripada skrin Utama, sentuh dan tahan skrin Utama.
2. Sentuh **WIDGET** untuk memaparkan widget yang tersedia.
3. Untuk menambah item, seret widget yang diinginkan ke skrin Utama yang tertentu.

Mengalih keluar widget

1. Sentuh dan tahan ikon widget pada skrin Utama sehingga ikon diperbesar.
2. Tanpa mengangkat jari anda, seret item ke **Alih keluar**. Kemudian lepaskan jari anda untuk mengalihkeluarnya daripada skrin Utama.

Folder

Mencipta folder

Seret ikon atau pintasan aplikasi dan lepaskannya di atas aplikasi lain.

Menamakan semula folder

1. Sentuh folder untuk membukanya.
2. Pada bar tajuk folder, masukkan nama folder baharu.
3. Apabila selesai, tekan butang **Kembali**.

Hias latar

Mengubah hias latar

1. Daripada skrin Utama, sentuh dan tahan skrin Utama.
2. Sentuh **HIAS LATAR**.
3. Tatal melalui pilihan yang tersedia untuk menetapkan hias latar pilihan anda.
4. Sentuh **Tetapkan hias latar** untuk menetapkan imej yang diinginkan sebagai hias latar skrin Utama.

Pemindahan media ke dan dari telefon bimbit anda

Pindahkan semua muzik dan gambar kegemaran anda antara telefon dan PC anda dalam mod MTP Peranti Media.

1. Sambung telefon anda ke PC dengan kabel USB.
2. Seret ke bawah untuk membuka panel pemberitahuan dan pilihan sambungan USB muncul. Kemudian sentuh **Pemindahan fail** untuk mengaktifkan mod MTP.
3. Telefon anda harus dipaparkan sebagai peranti boleh alih yang memaparkan Storan dalaman telefon dan jika kad memori dimasukkan, kad mikroSD juga akan kelihatan. Salin fail yang dikehendaki ke dalam telefon anda.

Nota:

Jika anda menggunakan MAC, anda perlu memuat turun pemacu daripada:

<http://www.android.com/filetransfer/>

Menggunakan Mod pesawat

Anda mungkin dikehendaki untuk mematikan sambungan wayarles telefon bimbit anda di sesetengah lokasi. Anda tidak perlu mematikan telefon anda, sebaliknya tetapkan telefon kepada **Mod pesawat**.

1. Tekan dan tahan kekunci **Kuasa**.
2. Sentuh **Mod pesawat** dalam menu pilihan.

Atau dengan menggunakan aplikasi **Tetapan**, capai menu **Lagi** dan leret suis **Mod pesawat** ke kanan (🔴) untuk mendayakan fungsi.

Menarik panel pemberitahuan ke bawah daripada skrin utama juga memberikan capaian kepada Mod pesawat.

Telefon

Terdapat beberapa cara untuk membuat panggilan telefon. Anda boleh mendail nombor, pilih nombor dalam senarai kenalan anda, pada halaman Web atau daripada dokumen yang mengandungi nombor telefon. Apabila anda sedang dalam panggilan, anda boleh sama ada menjawab panggilan lain yang masuk atau menghantarnya ke peti mel suara anda. Anda juga boleh menyediakan panggilan persidangan dengan beberapa peserta.

Nota:



Hubungi pengendali rangkaian anda untuk mengetahui sama ada langganan anda menyokong panggilan persidangan dan jumlah peserta yang anda boleh tambah.

Membuat panggilan


Untuk membuat panggilan, anda boleh menggunakan aplikasi Telefon, atau pilih nombor daripada **Kenalan** atau Panggilan Log.

Apabila anda sedang dalam panggilan, anda boleh menekan kekunci **Menu** untuk kembali ke skrin Utama dan menggunakan fungsi lain. Untuk kembali ke skrin panggilan, seret bar pemberitahuan ke bawah dan sentuh Panggilan semasa.




Membuat panggilan dengan pendail

1. Daripada skrin Utama, sentuh . Kemudian sentuh  untuk memaparkan pendail.
2. Sentuh kekunci angka yang sesuai untuk memasukkan nombor telefon.





Petua: Telefon bimbit anda menyokong fungsi SmartDial, iaitu apabila anda menyentuh nombor pada pendail, telefon secara automatik mencari antara kenalan anda dan menyenaraikan hasil yang sepadan berdasarkan ketepatan. Tutup pad kekunci untuk melihat lebih banyak padanan yang berkemungkinan.

3. Selepas memasukkan nombor atau memilih kenalan, sentuh .

Membuat panggilan daripada kenalan







1. Daripada skrin Utama, sentuh  > **Kenalan** () untuk memaparkan senarai kenalan. Jika anda sudah berada di pendail, sentuh tab  untuk memaparkan senarai kenalan.
2. Dalam senarai, sentuh kenalan yang ingin dihubungi.
3. Sentuh nombor telefon untuk membuat panggilan kepada kenalan tersebut.

Membuat panggilan daripada log panggilan

1. Sentuh  > **Telefon** () > tab . Anda akan melihat senarai panggilan terbaru. Jika anda tidak dapat mencari kenalan yang diinginkan, sentuh **Lihat sejarah panggilan penuh** untuk memaparkan seluruh sejarah panggilan.
2. Sentuh kenalan dalam senarai dan sentuh  untuk membuat panggilan.

Menjawab dan menolak panggilan


Apabila anda menerima panggilan telefon, skrin panggilan masuk dibuka dengan ID pemanggil dan apa-apa maklumat tambahan tentang pemanggil yang telah anda masukkan ke dalam **Kenalan**.

- Untuk menjawab panggilan, sentuh  dan seretnya ke kanan ().
- Untuk menolak panggilan, sentuh  dan seretnya ke kiri (.
- Untuk menolak dan menghantar mesej terus kepada pemanggil, sentuh  dan seretnya ke atas () serta pilih salah satu pilihan mesej templat tersedia atau sentuh **Tulis sendiri...** untuk mengarang mesej anda.

Nota:

Apabila anda menyentuh , ia hilang daripada skrin.

Menamatkan panggilan

Semasa panggilan berlangsung, sentuh  untuk meletakkan panggilan.







Pengendalian lain semasa panggilan

Membuat panggilan persidangan

Jika anda menerima panggilan baharu walaupun anda sedang dalam panggilan, anda boleh menyambungkan panggilan kedua kepada panggilan yang sedang berlangsung. Ciri ini dikenali sebagai panggilan persidangan. Anda juga boleh menyediakan panggilan persidangan dengan berbilang pemanggil.

Nota:

Hubungi pengendali rangkaian anda untuk mengetahui sama ada langganan anda menyokong panggilan persidangan dan jumlah peserta yang anda boleh tambah.

1. Untuk memulakan panggilan persidangan, dial nombor orang pertama yang anda inginkan dan sentuh  untuk membuat panggilan.
2. Sambil anda berada dalam panggilan tersebut, sentuh  dan masukkan nombor telefon orang yang anda ingin sertai perbualan.
3. Sentuh , atau pilih seseorang daripada Log Panggilan atau **Kenalan** anda. Panggilan pertama secara automatik diletakkan sebagai panggilan menunggu.
4. Sebaik sahaja panggilan tambahan telah disambungkan, sentuh .
5. Untuk menambah lebih ramai orang, sentuh  dan ulang langkah 2 hingga 4.
6. Untuk menamatkan panggilan persidangan dan memutuskan sambungan setiap orang, sentuh .

Menukar Antara Panggilan

Jika anda menerima panggilan baharu walaupun anda sedang dalam panggilan, anda boleh bertukar antara kedua-dua panggilan.

1. Apabila anda berada dalam dua panggilan, sentuh pada sudut kiri bawah paparan nama kenalan atau nombor telefon.
2. Panggilan semasa diletakkan sebagai sedang menunggu dan anda disambungkan kepada panggilan lain.





Kenalan

Aplikasi Kenalan membolehkan anda menyimpan dan mengurus maklumat seperti nombor telefon dan alamat kenalan anda. Selepas anda menyimpan maklumat kenalan pada telefon bimbit anda, ini memberi anda capaian mudah kepada orang ingin anda hubungi.

Membuka aplikasi kenalan

Jika anda mempunyai telefon bimbit baharu dan masih belum menambah apa-apa kenalan, Kenalan memaparkan mesej dengan petunjuk tentang cara untuk mula menambah kenalan pada telefon bimbit anda.



Untuk membuka aplikasi, lakukan salah satu daripada yang berikut:

- Sentuh  dan kemudian **Kenalan** (). Sentuh tab **SEMUA KENALAN** untuk memaparkan senarai kenalan.
- Sentuh  pada skrin Utama, kemudian sentuh tab  untuk memaparkan senarai kenalan.

Semua kenalan anda dipaparkan mengikut abjad dalam senarai tatal.


Menyalin kenalan

Anda boleh menyalin kenalan daripada kad SIM atau storan dalaman.



1. Dalam senarai kenalan, sentuh  > **Import/eksport**.
2. Lakukan salah satu daripada yang berikut:
 - Untuk mengimport kenalan daripada kad SIM:
Sentuh **Urus kenalan kad SIM** >  > **Import semua** untuk mengimport semua kenalan.
 - Untuk mengimport kenalan daripada storan dalaman:
Sentuh **Import daripada fail .vcf**. Pilih lokasi untuk mengimport kenalan dan sentuh fail *.vcf untuk mengimport kenalan.

Menyandar kenalan



Anda boleh menyalin kenalan kepada kad SIM atau storan dalaman.

1. Dalam senarai kenalan, sentuh  > **Import/eksport**.
2. Lakukan salah satu daripada yang berikut:
 - Untuk mengeksport kenalan kepada kad SIM:
Sentuh **Eksport kepada kad SIM** untuk menyalin semua kenalan.
 - Untuk mengeksport kenalan kepada storan dalaman:
Sentuh **Eksport kepada fail .vcf**. Pilih lokasi untuk menyimpan kenalan dan sentuh **SIMPAN**.


Menambah kenalan

1. Dalam senarai kenalan, sentuh  untuk menambah kenalan baharu.
2. Masukkan nama kenalan, dan kemudian masukkan apa-apa maklumat terperinci seperti nombor telefon atau alamat.
3. Apabila anda sudah selesai, sentuh  untuk menyimpan maklumat kenalan.

Menambah kenalan kepada kegemaran anda



1. Sentuh kenalan yang anda ingin tambah kepada Kegemaran.
2. Sentuh  di sebelah nama dan warna ikon bertukar putih ().

Mencari kenalan

1. Dalam senarai kenalan, sentuh  untuk mencari kenalan.
2. Masukkan nama kenalan yang sedang anda cari. Sambil anda menaip, kenalan dengan nama yang sepadan dipaparkan di bawah kotak carian.

Mengedit kenalan


Anda boleh sentiasa membuat perubahan pada maklumat yang telah disimpan untuk kenalan.

1. Dalam senarai kenalan, sentuh kenalan dengan butiran yang ingin diedit.
2. Sentuh .
3. Lakukan perubahan yang diinginkan pada maklumat kenalan, dan kemudian sentuh . Untuk membatalkan semua perubahan yang telah dibuat pada maklumat kenalan, tekan butang **Kembali**.


Berkomunikasi dengan kenalan anda

Daripada tab Semua Kenalan atau Kegemaran, anda boleh membuat panggilan, menghantar teks (SMS) atau menghantar mesej multimedia (MMS) dengan pantas ke nombor telefon kenalan yang lalai. Anda juga boleh membuka butiran untuk melihat senarai semua cara untuk menghubungi kenalan tersebut. Bahagian ini menerangkan cara untuk menghubungi kenalan apabila anda melihat senarai kenalan anda.

Menghubungi kenalan

1. Dalam senarai kenalan, sentuh kenalan yang ingin dihubungi.
2. Dalam skrin butiran kenalan, anda boleh melakukan satu daripada yang berikut:
 - Sentuh nombor telefon untuk membuat panggilan.
 - Sentuh  untuk menghantar mesej.

Memadam kenalan

1. Dalam senarai kenalan, sentuh kenalan yang ingin dipadam.
2. Sentuh  > **Padam**.
3. Sentuh **OK** untuk mengesahkan bahawa anda ingin memadam kenalan.

Menggunakan papan kekunci pada skrin

Memaparkan panel papan kekunci



Untuk memasukkan teks, gunakan papan kekunci pada skrin. Sesetengah aplikasi membuka papan kekunci secara automatik. Bagi yang lain, sentuh medan teks untuk membuka papan kekunci.

Untuk membuka papan kekunci, sentuh ruang yang ingin dituliskan teks. Tekan butang **Kembali** untuk menyembunyikan papan kekunci.

Menggunakan papan kekunci landskap

Jika anda berasa papan kekunci menyusahkan atau sukar digunakan, putarkan telefon bimbbit ke sisi. Skrin akan memaparkan papan kekunci dalam orientasi landskap, menyediakan anda dengan tataletak papan kekunci yang lebih luas.




Menyesuaikan tetapan papan kekunci

1. Sentuh  > **Tetapan** () > **Bahasa & input**.
2. Lakukan mana-mana yang berikut:
 - Sentuh **Papan Kekunci Google** untuk mengkonfigurasi tetapan papan kekunci Google.
 - Sentuh **Penaipan Google Voice** untuk mengkonfigurasi tetapan penaipan Google Voice.

Wi-Fi

Untuk menggunakan Wi-Fi pada telefon bimbbit anda, anda perlu mempunyai capaian kepada titik capaian wayarles (hotspot). Halangan yang menyekat isyarat Wi-Fi akan mengurangkan kekuatannya.

Menghidupkan Wi-Fi dan menyambung ke rangkaian wayarles

1. Sentuh  > **Tetapan** ()
2. Dalam **Wayarles & rangkaian**, sentuh **Wi-Fi** dan leret suis ke kanan () untuk mendayakan fungsi.
3. Senarai rangkaian Wi-Fi yang dikesan akan dipaparkan. Pilih rangkaian Wi-Fi untuk disambungkan.
4. Jika anda memilih rangkaian terbuka, anda akan disambungkan ke rangkaian secara automatik. Jika anda memilih rangkaian yang selamat dan menyambung kepadanya buat kali pertama, masukkan kata laluan, dan kemudian sentuh **SAMBUNG**.

Nota:

Jika anda menyambung ke rangkaian wayarles selamat yang pernah anda gunakan, anda tidak akan digesa untuk memasukkan kata laluan sekali lagi melainkan anda menetapkan semula telefon bimbbit anda kepada tetapan lalai atau kata laluan Wi-Fi telah diubah.

Petua: Pada skrin tetapan Wi-Fi, sentuh  > **Tambah rangkaian** untuk menambah rangkaian Wi-Fi baharu.

SMS dan MMS



Membuka pemesejan

Untuk membuka aplikasi, lakukan salah satu daripada yang berikut:

- Sentuh  pada skrin Utama.
- Sentuh  > **Pemesejan** (.

Mencipta dan menghantar mesej teks






Anda boleh mencipta mesej baharu atau membuka urutan mesej sedia ada dalam tetingkap yang dibuka.

1. Sentuh  untuk memulakan mesej teks atau mesej multimedia baharu, atau sentuh urutan mesej yang sedia ada untuk membukanya.
2. Masukkan nombor telefon dalam medan **Kepada**. Semasa anda memasukkan nombor telefon, kenalan yang sepadan muncul. Anda boleh menyentuh penerima yang dicadangkan atau terus memasukkan nombor telefon.
3. Sentuh kotak teks untuk mula memasukkan mesej anda.
Jika anda menekan butang **Kembali** semasa mengarang mesej, ia disimpan sebagai draf dalam senarai mesej anda. Sentuh mesej untuk terus mengarang.
4. Setelah anda selesai, sentuh .


Nota:

Jawapan muncul dalam tetingkap. Apabila anda melihat dan menghantar mesej tambahan, urutan mesej dicipta.

Mencipta dan menghantar mesej multimedia

1. Pada skrin pemesejan, sentuh .
2. Masukkan nombor telefon dalam medan **Kepada** atau sentuh  untuk menambah nombor telefon daripada senarai **KENALAN**.
3. Sentuh kotak teks untuk mula memasukkan mesej anda.
4. Sentuh  > **Tambah subjek** untuk menambah subjek mesej.
5. Masukkan subjek.
Telefon bimbit anda kini dalam mod mesej multimedia.
6. Sentuh  dan pilih jenis fail media untuk dilampirkan pada mesej.
7. Setelah anda selesai, sentuh .

Membuka dan membalas mesej

1. Dalam senarai mesej, sentuh urutan mesej teks atau urutan mesej multimedia untuk membukanya.
2. Sentuh kotak teks untuk mengarang mesej anda.
3. Sentuh .

Menyesuaikan tetapan mesej

Dalam senarai mesej, sentuh  > **Tetapan** untuk menyesuaikan tetapan mesej. Pilih daripada:

- SMS Didayakan: Tentukan aplikasi SMS lalai.
- Padam mesej lama: Tandakan kotak semak untuk memadamkan mesej lama apabila had dicapai.
- Had mesej teks: Tetapkan had maksimum mesej teks bagi setiap perbualan.
- Had mesej multimedia: Tetapkan had maksimum MMS bagi setiap perbualan.
- Laporan penghantaran untuk SIM1/SIM2: Tandakan kotak semak untuk meminta laporan penghantaran bagi setiap mesej yang anda hantar daripada kad SIM.
- Templat mesej: Edit templat mesej.
- Uruskan mesej kad SIM1: Uruskan mesej kad SIM1.
- Tempoh sah SMS untuk SIM1/SIM2: Tetapkan tempoh sah SMS bagi kad SIM.
- Tandatangan SMS: Tandakan kotak semak untuk menyertakan tandatangan tersuai anda bagi setiap mesej yang anda hantar daripada kad SIM tersebut.
- Edit tandatangan SMS: Edit tandatangan tersuai anda.
- Pemesejan berkumpulan: Tandakan kotak semak untuk menggunakan MMS bagi menghantar satu mesej apabila terdapat berbilang penerima.
- Laporan penghantaran: Tandakan kotak semak untuk meminta laporan penghantaran bagi setiap mesej yang anda hantar.
- Baca laporan: Tandakan kotak semak untuk meminta laporan pembacaan bagi setiap mesej yang anda hantar.
- Pemerolehan automatik: Tandakan kotak semak untuk memperoleh mesej secara automatik.
- Pemerolehan automatik perayauan: Tandakan kotak semak untuk memperoleh mesej secara automatik ketika dalam mod perayauan.
- Tempoh sah MMS untuk SIM1/SIM2: Tetapkan tempoh sah MMS bagi kad SIM.
- Pemberitahuan: Tandakan kotak semak untuk memaparkan pemberitahuan mesej baharu pada bar status.
- Bunyi: Tetapkan nada dering untuk mesej baharu.
- Getar: Tandakan kotak semak untuk menetapkan peranti supaya bergetar bagi mesej baharu.
- Tetapkan nombor smsc SIM1/SIM2: Tetapkan nombor SMSC bagi kad SIM.
- Dayakan perkhidmatan WAP PUSH: Tandakan kotak semak untuk mendayakan penerimaan mesej perkhidmatan.

Bluetooth

Telefon bimbit anda mempunyai Bluetooth yang membolehkan anda mewujudkan sambungan wayarles dengan peranti Bluetooth lain supaya anda boleh berkongsi fail dengan rakan anda, berbual bebas tangan dengan set kepala Bluetooth atau pun memindahkan gambar pada telefon anda ke PC anda.

Jika anda menggunakan Bluetooth, pastikan anda kekal berada dalam lingkungan jarak 10 meter daripada peranti Bluetooth yang lain. Ketahui bahawa halangan seperti dinding atau peralatan elektronik lain mungkin mengganggu sambungan Bluetooth anda.

Menghidupkan Bluetooth


1. Sentuh  > **Tetapan** ().
2. Dalam **Wayarles & rangkaian**, sentuh **Bluetooth** dan leret suis ke kanan () untuk menyalakan fungsi. Apabila Bluetooth dihidupkan, ikon Bluetooth muncul di bar pemberitahuan.

Perpasangan dan menyambungkan peranti Bluetooth

Bluetooth membolehkan anda melakukan yang berikut:

- Menggunakan peranti Bluetooth bebas tangan.
- Menggunakan set kepala Bluetooth mono atau stereo.
- Mengawal perkara yang dimainkan melalui set kepala Bluetooth dari jauh.

Sebelum anda menggunakan Bluetooth, telefon bimbit anda perlu berpasangan dengan peranti Bluetooth lain melalui cara berikut:

1. Pastikan bahawa fungsi Bluetooth pada telefon bimbit anda diaktifkan.
2. Telefon bimbit anda kemudiannya akan mencari peranti Bluetooth dalam lingkungan (atau sentuh  > **Segarkan semula**).
3. Sentuh peranti yang dikehendaki berpasangan dengan telefon bimbit anda.
4. Ikut arahan pada skrin untuk melengkapkan penyambungan.


Nota:

Apabila perpasangan telah diwujudkan, menyambung semula kepada peranti Bluetooth tersebut tidak lagi memerlukan kata laluan.




Menghantar fail melalui Bluetooth

Dengan Bluetooth, anda boleh berkongsi gambar, video atau fail muzik dengan keluarga dan rakan anda.

Untuk menghantar fail melalui Bluetooth, lakukan seperti berikut:

1. Sentuh fail yang ingin dihantar.
2. Sentuh  > **Bluetooth**, dan kemudian pilih peranti yang berpasangan.

Memutuskan sambungan atau membatalkan perpasangan peranti Bluetooth

1. Sentuh  > **Tetapan** ().
2. Dalam **Wayarles & rangkaian**, sentuh **Bluetooth**.
3. Pada pilihan peranti bersambung, sentuh  dan kemudian sentuh **LUPAKAN** untuk mengesahkan pemutusan sambungan.

Mengambil foto dan merakam video

Kamera adalah gabungan kamera dan kamkorder yang boleh digunakan untuk menangkap dan berkongsi gambar dan video.

Membuka kamera anda


Untuk membuka aplikasi, lakukan salah satu daripada yang berikut:

- Sentuh  pada skrin Utama.
- Sentuh  > **Kamera** (.

Tekan butang **Kembali** atau kekunci **Menu** untuk menutup kamera.

Mengambil foto


1. Sentuh  > **Kamera** (.


Secara lalai, ia berada dalam mod Kamera. Jika tidak, sentuh  untuk menukar kepada mod Kamera.

Nota:

Untuk menukar antara kamera depan dan kamera 13MP, sentuh  dan  bagi setiap satu.

2. Gubah foto anda dalam skrin tangkapan gambar.

- Sentuh skrin untuk memfokus pada kawasan tertentu pada skrin.
- Cubit untuk zum masuk/keluar pada subjek.
- Sentuh  untuk mengubah tetapan kamera.


3. Sentuh  untuk mengambil foto anda.

Nota:

Apabila dalam apl Kamera, anda boleh menekan kekunci **Naik kelantangan** dan **Turun kelantangan** untuk mengambil foto anda juga.

Melihat foto anda

Untuk melihat foto anda, anda boleh melakukan satu daripada yang berikut:

- Apabila dalam paparan Kamera, sentuh imej kecil foto yang paling baru ditangkap bersebelahan .




Nota:

Untuk kembali ke paparan Kamera, tekan butang **Kembali** atau leret ke kiri sehingga skrin tangkapan muncul semula.





- Sentuh  > **Foto** () untuk melihat semua foto dan video.

Edit dan kongsi foto anda

Apabila anda menyemak lalu gambar anda, pilihan berikut akan tersedia:





- Edit: Sentuh  dan edit foto anda dengan pelbagai pilihan yang tersedia.
- Kongsi: Sentuh  dan kongsi foto anda melalui pelbagai aplikasi yang tersedia pada peranti anda.
- Padam: Sentuh  untuk memadam foto yang tidak lagi diperlukan.

Merakam video



1. Sentuh  > Kamera ().
2. Sentuh  dan pilih  untuk menukar kepada mod Video.

Nota:







Untuk menukar antara kamera depan dan kamera 13MP, sentuh  dan  bagi setiap satu.

3. Sentuh  untuk memulakan rakaman.
4. Semasa merakam, lakukan salah satu daripada yang berikut:
 - Cubit untuk zum masuk/keluar pada subjek.
 - Sentuh  untuk menjeda rakaman. Untuk meneruskan, sentuh .
 - Sentuh skrin untuk mengambil foto.
5. Sentuh  untuk berhenti menangkap.

Menonton video anda

Selepas merakam video, sentuh imej kecil video rakaman terkini bersebelahan . Sentuh  untuk memainkan video.



Mengambil foto panorama

1. Sentuh  > Kamera ().
2. Sentuh  dan pilih  untuk menukar kepada mod Panorama.
3. Sentuh  untuk mula menangkap.
4. Tentukan arah. Kemudian gerakkan peranti perlahan-lahan ke arah yang diinginkan (kiri atau kanan).
5. Apabila panduan penangkapan mencapai ke penghujung, penangkapan tamat. Untuk menghentikan penangkapan secara manual, sentuh .

Menggunakan foto

Aplikasi **Foto** anda boleh secara automatik mencari gambar dan video yang disimpan pada telefon atau kad memori anda. Pilih album/folder dan main sebagai tayangan slaid atau pilih item untuk dikongsi dengan aplikasi lain.

Membuka foto




Sentuh  > **Foto** () untuk membuka aplikasi. Aplikasi Foto mengkategorikan gambar dan video anda mengikut lokasi storan dan menyimpan fail ini dalam folder. Sentuh folder untuk melihat gambar atau video di dalamnya.

Melihat foto

1. Dalam Foto, sentuh folder yang mengandungi gambar yang ingin anda lihat.
2. Sentuh gambar untuk melihatnya dalam mod skrin penuh. Apabila melihat gambar dalam mod skrin penuh, kuis gambar ke kiri atau kanan untuk melihat gambar sebelumnya atau seterusnya.
3. Untuk zum masuk pada imej, gerakkan dua jari anda berjauhan antara satu sama lain di lokasi skrin yang ingin dizum masuk. Dalam mod zum, leret jari anda ke atas atau ke bawah dan ke kiri atau ke kanan.

Petua: Pemapar gambar menyokong fungsi putaran automatik. Apabila anda memutar telefon bimbit anda, gambar disesuaikan kepada putaran tersebut.

Memangkas gambar dalam foto

1. Apabila melihat gambar, sentuh  > .
2. Sentuh **Pangkas** dan gunakan alat pemangkas untuk memilih bahagian gambar untuk dipangkas.
 - Seret dari dalam alat pemangkas untuk mengalihnya.
 - Seret pinggir atau sudut alat pemangkas untuk menukar saiz imej.
3. Sentuh  > **SIMPAN** untuk menyimpan gambar yang dipangkas.
 - Untuk membuang perubahan, tekan butang **Kembali** dan sentuh **BUANG**.

Petua: Anda juga boleh membuang perubahan dengan menyentuh **X** > **BUANG**.

Menggunakan kamera haba

Nota:

Suhu yang ditunjukkan oleh Cat S60 adalah selalunya anggaran yang dikira dan tidak boleh dianggap sebagai ukuran yang tepat.

Suhu yang ditunjukkan dipengaruhi oleh banyak faktor, terutamanya kepancaran objek yang sedang diperhatikan dan jarak ke objek itu. Suhu mungkin dipengaruhi oleh waktu, oleh keadaan cuaca, atau oleh objek panas atau objek sejuk lain di kawasan berhampiran yang mungkin terpantul daripada objek yang dimaksudkan.



Membuka kamera haba anda



Untuk membuka aplikasi, lakukan salah satu daripada yang berikut:

- Sentuh  pada skrin Utama.
- Sentuh  > **MyFLIR** (.





Tekan butang **Kembali** atau kekunci **Menu** untuk menutup kamera.


Mengambil foto

1. Sentuh  > MyFLIR (.



Secara lalai, ia berada dalam mod Foto. Jika tidak, sentuh  dan pilih  untuk menukar kepada mod Foto.

2. Gubah foto anda dalam skrin tangkapan gambar.

- Sentuh  untuk mengubah palet warna.
- Sentuh  untuk mengubah tetapan kamera.
- Sentuh  untuk menambah mod meter titik.
- Sentuh  untuk menentukan imej secara manual.

3. Sentuh  untuk mengambil foto anda.

Merakam video


1. Sentuh  > MyFLIR (.

2. Sentuh  dan pilih  untuk menukar kepada mod Video.

3. Sentuh  untuk memulakan rakaman. Untuk berhenti merakam, sentuh .


Mengambil foto panorama

1. Sentuh  > MyFLIR (.



2. Sentuh  dan pilih  untuk menukar kepada mod Panorama.

3. Sentuh  untuk mula menangkap.

4. Tentukan arah. Kemudian gerakkan peranti perlahan-lahan ke arah yang diinginkan (kiri atau kanan).

5. Apabila panduan penangkapan mencapai ke penghujung, penangkapan tamat. Untuk menghentikan penangkapan secara manual, sentuh .

Mencipta video Selang Masa

1. Sentuh  > MyFLIR (.











2. Sentuh  dan pilih  untuk menukar kepada mod Selang Masa.

3. Sentuh  untuk membuka menu tetapan Selang Masa. Kemudian, konfigurasi tetapan yang diperlukan.

4. Sentuh  untuk memulakan rakaman. Untuk berhenti merakam, sentuh .

Melihat foto yang ditangkap atau video yang dirakam

Untuk membuka foto yang paling baru ditangkap atau video paling baru dirakam, sentuh imej kecil di sudut kanan bawah skrin.

- Sentuh  untuk menukar kepada paparan **Pustaka**.
- Leret kiri/kanan untuk melihat fail sebelum/seterusnya.
- Sentuh  untuk memainkan video.
- Sentuh  untuk mengedit foto. Kemudian sentuh  untuk menukar mod meter titik atau sentuh  untuk menukar palet warna. Apabila selesai, sentuh  untuk menyimpan perubahan.
- Sentuh  dan kongsi fail yang dipilih melalui pelbagai aplikasi yang tersedia pada peranti anda.
- Sentuh  untuk memadam fail yang dipilih. Kemudian sentuh **OK** untuk mengesahkan pemadaman.
- Sentuh  untuk melihat maklumat terperinci tentang fail yang direkodkan, termasuk tarikh, masa, palet warna, suhu, kepancaran dan lokasi.
- Sentuh  untuk melancarkan Alat FLIR yang boleh digunakan untuk melihat dan mengedit imej. Jika aplikasi ini tidak dipasang, Gedung Google Play akan dibuka untuk membolehkan pengguna memuat turun aplikasi Alat FLIR Mudah Alih.

PENALAN

Kamera mempunyai pengatup mekanikal di dalamnya yang diaktifkan secara berkala dan membolehkan kamera haba melakukan penentukuran atau penyegaran semula imej.

Apabila pengatup diaktifkan, imej akan terbeku buat seketika.

Tujuan pengatup adalah untuk membolehkan kamera menyediakan imej lebih baik. S60 melaksanakan operasi penalaan secara automatik dan berkala. Ambil perhatian bahawa apabila Meter Titik dihidupkan, penalaan akan berlaku dengan lebih kerap.




Menikmati muzik

Anda boleh memindahkan fail muzik daripada PC ke kad mikroSD atau memori telefon anda supaya anda boleh mendengar muzik pada telefon bimbit anda.

Menyalin muzik kepada kad mikroSD

1. Sambungkan telefon kepada komputer anda dengan kabel USB dan lepaskan kad microSD.
2. Pada PC, navigasi ke pemacu USB dan bukanya.
3. Cipta folder di dalam direktori akar kad mikroSD (sebagai contoh, Muzik).
4. Salin muzik daripada komputer anda ke folder yang telah anda cipta.
5. Selepas menyalin muzik, nyahlekap atau keluarkan pemacu seperti yang dikehendaki oleh sistem pengendalian PC anda untuk mengalih keluar telefon bimbit daripada PC dengan selamat.

Membuka muzik Google Play


Untuk memaparkan pustaka media, sentuh  > **Muzik Google Play** () > sentuh kotak pilihan kategori muzik di bahagian atas kiri skrin  > **Pustaka Saya**. Ia mengandungi lima tab: SENARAI MAIN, GENRE, ARTIS, ALBUM dan LAGU.

Memainkan muzik

1. Sentuh kategori pada skrin pustaka muzik.
2. Sentuh lagu yang hendak dimainkan.

Petua: Apabila anda mendengar muzik, tekan butang **Kembali** untuk menggunakan aplikasi lain. Muzik anda terus dimainkan. Untuk kembali ke kawalan muzik, buka panel pemberitahuan dan kemudian sentuh lagu.

Menambah muzik ke dalam senarai main

1. Sentuh kategori pada skrin pustaka muzik.
2. Sentuh  bersebelahan lagu yang ingin ditambahkan kepada senarai main. Kemudian sentuh **Tambah ke senarai main** dalam menu pilihan.
3. Pilih senarai main atau sentuh senarai main **BAHARU** untuk menambah lagu kepada senarai main yang sedia ada.

Memainkan senarai main

1. Dalam skrin pustaka muzik, sentuh senarai main.
2. Sentuh senarai main yang ingin dicapai.
3. Sentuh lagu yang hendak dimainkan.


Mendengar radio FM

Radio FM membolehkan anda mendengar stesen radio FM pada telefon bimbit anda. Sambungkan set kepala anda kepada bicu audio telefon anda terlebih dahulu sebelum membuka aplikasi.








Sentuh  > **Radio FM** () untuk melancarkan aplikasi.

Menala radio FM

Nota:


Untuk menerima semua stesen kegemaran anda, anda perlu memastikan bahawa Jalur Rantau Tempatan anda ditetapkan dengan betul. Untuk mengubah rantau, sentuh  > **Tetapan** > **Jalur Rantau** dan tatal melalui senarai dan pilih Rantau anda.

Pilih daripada pilihan yang berikut:

- Untuk memilih stesen radio yang ingin didengari, sentuh  atau .
- Untuk menala kepada frekuensi tertentu, tatal roda penalaan untuk memilih stesen radio.
- Untuk menambah stesen radio semasa ke dalam senarai Kegemaran, sentuh dan tahan  (di bahagian bawah skrin). Stesen radio semasa akan muncul pada bar senarai Kegemaran.
- Untuk meredamkan FM, sentuh .
- Untuk mengimbas semua saluran yang tersedia, sentuh  > **Imbas** > **Semua Stesen**. Apabila pengimbasan selesai, sentuh  > **Semua Saluran**.
- Untuk mematikan radio, sentuh , dan tekan butang **Kembali** untuk keluar dari aplikasi.

Merakam radio FM

Untuk merakam radio, lakukan yang berikut:

- Untuk memulakan rakaman, sentuh  atau sentuh  > **Mula Rakaman**.
- Untuk menghentikan rakaman, sentuh  atau sentuh  > **Henti Rakaman**. Fail yang dirakam akan disimpan secara automatik.

Perkhidmatan Google

Anda mesti mendaftar masuk ke akaun Google untuk menggunakan Gmail™, Kalendar Google™ dan Google Apps™ lain. Untuk memuat turun aplikasi pada Google Play™, anda juga akan digesa untuk mendaftar masuk ke akaun Google anda.

Mencipta akaun Google



Jika anda tidak memilih untuk mencipta akaun Google semasa persediaan, anda boleh menciptanya:

1. Sentuh  > **Tetapan** (.
2. Sentuh **Akaun** > **Tambah akaun**.
3. Sentuh **Google** untuk mencipta akaun Google dan kemudian ikut arahan pada skrin.

Menggunakan Gmail

Apabila anda mula menyediakan telefon anda, anda mungkin telah menkonfigurasi telefon anda supaya menggunakan akaun Gmail yang sedia ada atau mencipta akaun baharu. Kali pertama anda membuka aplikasi Gmail pada telefon anda, Peti Masuk anda akan mengandungi mesej daripada akaun Gmail anda di web.



Membuka Gmail



Sentuh  > **Gmail** (). Senarai mel Peti Masuk muncul. Mana-mana e-mel yang anda ingin simpan pada telefon bimbit anda akan pergi ke folder Peti Masuk anda.

Menukar antara akaun





Untuk menukar kepada akaun e-mel lain, sentuh kotak pilihan akaun di bahagian atas sebelah kiri skrin, kemudian sentuh akaun yang ingin dilihat.

Mencipta dan menghantar E-mel



1. Pada skrin Peti Masuk, sentuh .
2. Masukkan alamat e-mel penerima mesej ke dalam medan **Kepada**.
 - Jika anda menghantar e-mel kepada beberapa penerima, pisahkan alamat e-mel dengan koma.
 - Jika anda ingin menghantar SK atau SKT kepada penerima lain, sentuh  untuk memaparkan medan **Tambah Sk/Skt**.
3. Masukkan subjek e-mel dan karang mesej anda.

Jika anda ingin menambah lampiran gambar, sentuh  untuk memilih gambar yang ingin dilampirkan.
4. Selepas mengarang e-mel anda, sentuh .


Membalas atau mengirim semula E-mel

1. Pada skrin Peti Masuk, sentuh e-mel yang ingin dibalas atau dikirim semula.
2. Sentuh Balas () , Balas kepada semua ( > **Balas kepada semua**), atau Kirim Semula ( > **Kirim Semula**).
3. Lakukan salah satu daripada yang berikut:
 - Jika anda memilih Balas atau Balas kepada semua, masukkan mesej anda.
 - Jika anda memilih Kirim Semula, tentukan penerima mesej dan tambah apa-apa teks tambahan yang ingin disertakan dengan mesej yang dikirim semula.
4. Sentuh .

Mencari E-mel

1. Pada skrin Peti Masuk, sentuh .
2. Masukkan kata kunci carian dalam kotak, dan kemudian sentuh .

Menyesuaikan tetapan Gmail anda




1. Pada skrin kategori folder, sentuh  > **Tetapan** untuk menyesuaikan tetapan mesej.
2. Pilih **Tetapan umum** atau akaun e-mel.
3. Sentuh pilihan dan ubah tetapan mengikut keperluan.

Google Maps™

Peta Google membolehkan anda mencari lokasi semasa anda, melihat keadaan trafik masa nyata (bergantung pada ketersediaan di lokasi anda) dan mendapatkan arahan terperinci ke pelbagai destinasi pada peta satelit, trafik atau jenis peta yang lain.

Mendayakan lokasi



Sebelum anda membuka Peta untuk mencari lokasi anda atau mencari tempat menarik, anda mesti mendayakan **Lokasi** dan menetapkan **Mod lokasi**.

1. Sentuh  > **Tetapan** (.
2. Sentuh **Lokasi**.
3. Leret suis **Lokasi** ke kanan () untuk mendayakan fungsi.
4. Sentuh **Mod** dan pilih pilihan yang berkaitan.


Nota:

Untuk menggunakan ciri navigasi, fungsi **Mod** harus ditetapkan kepada **Ketepatan tinggi**.

Membuka Peta



Sentuh  > **Peta** () untuk membuka aplikasi.

Mencari tempat menarik


1. Sambil melihat peta, masukkan tempat yang ingin dicari ke dalam kotak carian di bahagian atas paparan, dan kemudian sentuh .

Nota:

Anda juga boleh memilih satu pilihan daripada senarai cadangan.

2. Hasil carian anda kemudiannya akan dipaparkan. Sentuh penanda () dan ia memaparkan nama lokasi.
3. Sentuh  untuk melihat lokasi semasa anda pada peta.

Mendapatkan arah


1. Sambil melihat peta, sentuh .
2. Sentuh ikon untuk arah kereta, pengangkutan awam atau berjalan kaki.
3. Aplikasi secara automatik memaparkan jarak yang paling singkat dari lokasi semasa anda ke lokasi destinasi.

Nota:

Jika anda ingin memasukkan lokasi semasa dan/atau lokasi destinasi secara manual, sentuh **Lokasi Anda** atau lokasi destinasi dan masukkan maklumat yang berkaitan.

4. Sentuh .



Nota:

Sentuh  untuk menukar lokasi semasa dan destinasi, berkongsi arah laluan, melihat maklumat trafik, dan/atau imej satelit peta dan mengkonfigurasi pilihan laluan.

Menggunakan Gedung Google Play


Gedung Play menyediakan capaian terus kepada aplikasi dan permainan yang boleh dimuat turun dan dipasang pada telefon anda.


Membuka Gedung Google Play

1. Sentuh  > **Gedung Play** ().
2. Apabila anda membuka **Gedung Play** buat kali pertama, halaman Gambaran Keseluruhan akan muncul. Sentuh **BERMULA** untuk meneruskan.

Mencari aplikasi



Terdapat beberapa cara yang berlainan untuk mencari aplikasi pada skrin utama **Gedung Play**, termasuk:



- Senarai aplikasi mengikut kategori: Sentuh kategori yang diingini dan tatal ke bawah untuk melihat selanjutnya.
- Fungsi carian: Masukkan kata kunci carian dalam kotak, dan kemudian sentuh .

Untuk melihat aplikasi yang dipasang, sentuh  > **Apl & permainan saya**.

Memasang aplikasi

Nota:


Jika anda ingin memasang aplikasi daripada sumber selain daripada gedung Google Play, sentuh **Tetapan** () > **Keselamatan**, dan leret suis **Sumber tidak diketahui** ke kanan (.

1. Sentuh  > **Gedung Play** (.
2. Sentuh kategori, dan kemudian sentuh item yang ingin dimuat turun.
Di sini anda boleh membaca lebih lanjut tentang aplikasi, termasuk penarafan keseluruhan dan komen pengguna. Jika anda menatal ke bawah ke bahagian Maklumat Pembangun, anda boleh melihat aplikasi lain daripada pembangun yang sama, atau pautan ke laman web pembangun.
3. Untuk memasang item, sentuh **PASANG**, kemudian skrin berubah untuk menunjukkan keizinan yang diminta, kemudian sentuh **TERIMA**.

Nota:

Untuk menyemak kemajuan muat turun, buka panel pemberitahuan. Tempoh pemasangan bergantung pada saiz aplikasi dan kelajuan sambungan data anda.

Menyahpasang aplikasi

1. Pada skrin utama **Gedung Play**, sentuh  > **Apl & permainan saya**.
2. Sentuh aplikasi yang ingin dinyahpasang, kemudian sentuh **NYAHPASANG**.
3. Apabila digesa, sentuh **OK** untuk mengalih keluar aplikasi daripada telefon bimbit anda.

Nota:

Aplikasi juga boleh diuruskan dengan menyentuh **Tetapan** () > **Apl** atau dinyahpasang terus dengan menahan jari anda pada apl dan menyeret ke pilihan **nyahpasang** di bahagian atas skrin.

Menyegerakkan maklumat

Sesetengah aplikasi (sebagai contoh, Gmail) pada telefon bimbit anda memberi anda capaian kepada maklumat peribadi sama yang boleh ditambah, dilihat dan diedit pada komputer anda. Jika anda menambah, mengubah atau memadamkan maklumat anda dalam mana-mana aplikasi ini pada web, maklumat yang dikemas kini juga muncul pada telefon bimbit anda.



Ini tercapai melalui penyegerakan data secara wayarles. Proses ini berlaku di latar belakang dan tidak mengganggu penggunaan telefon bimbit anda. Apabila telefon anda sedang disegerak, ikon penyegerakan data akan ditunjukkan di bar pemberitahuan.

Menguruskan akaun anda

Anda boleh menyegerakkan kenalan, e-mel dan maklumat lain pada telefon bimbit anda dengan berbilang akaun Google atau akaun lain, bergantung pada aplikasi yang dipasang pada telefon bimbit anda.

Sebagai contoh, anda boleh bermula dengan menambah akaun Google peribadi anda, supaya e-mel, kenalan dan kalendar peribadi anda sentiasa tersedia. Kemudian anda boleh menambah akaun kerja, jadi e-mel, kenalan dan entri kalendar yang berkaitan dengan kerja anda juga boleh dicapai.

Menambah akaun

1. Sentuh  > **Tetapan** ().
2. Sentuh **Akaun** > **Tambah akaun**. Skrin memaparkan tetapan penyegerakan semasa anda dan senarai akaun semasa anda.


Nota:

Dalam sesetengah keadaan, anda mungkin perlu mendapatkan butiran akaun daripada sokongan pentadbir rangkaian. Sebagai contoh, anda mungkin perlu mengetahui domain atau alamat pelayan akaun.

3. Sentuh jenis akaun untuk ditambah.
4. Ikut arahan pada skrin untuk memasukkan maklumat yang diperlukan dan maklumat pilihan berkenaan akaun. Kebanyakan akaun memerlukan nama pengguna dan kata laluan, namun butiran bergantung pada jenis akaun dan konfigurasi perkhidmatan yang ingin disambungkan.
5. Konfigurasikan akaun. Bergantung pada jenis akaun, anda mungkin diminta untuk mengkonfigurasi jenis data yang ingin disegerakkan dengan telefon bimbit, menyatakan nama akaun dan butiran lain. Apabila anda selesai, akaun ditambahkan ke dalam senarai di skrin tetapan **Akaun**.

Mengalih keluar akaun

Anda boleh mengalih keluar akaun dan semua maklumat yang berkaitan dengannya daripada telefon bimbit anda, termasuk e-mel, kenalan, tetapan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, anda tidak boleh mengalih keluar sesetengah akaun, seperti akaun pertama yang anda daftar masuk pada telefon bimbit. Jika anda cuba untuk mengalih keluar akaun tertentu, ambil perhatian bahawa semua maklumat peribadi yang berkaitan dengannya akan dipadamkan.

1. Pada skrin tetapan **Akaun**, sentuh jenis akaun.
2. Sentuh akaun untuk dipadamkan.
3. Sentuh  > **Alih keluar akaun**.
4. Sentuh **ALIH KELUAR AKAUN** untuk mengesahkan bahawa anda ingin mengalih keluar akaun.

Menyesuaikan penyegerakan akaun anda

Anda boleh mengkonfigurasi penggunaan data latar belakang dan pilihan penyegerakan untuk semua aplikasi pada telefon anda. Anda juga boleh mengkonfigurasi jenis data yang disegerakkan bagi setiap akaun. Sesetengah aplikasi, seperti Kenalan dan Gmail, boleh menyegerakkan data daripada berbilang aplikasi. Aplikasi lain, seperti Kalendar, menyegerak data hanya daripada akaun Google pertama yang didaftar masuk pada telefon anda, atau daripada akaun yang dikaitkan secara khusus dengan aplikasi tersebut. Bagi sesetengah akaun, penyegerakan adalah bersifat dua hala; perubahan yang anda buat terhadap maklumat pada telefon bimbit anda akan dibuat terhadap salinan maklumat tersebut pada web. Sesetengah akaun menyokong penyegerakan sehala sahaja; maklumat pada telefon bimbit anda adalah baca sahaja.

Mengubah tetapan penyegerakan akaun




1. Pada skrin tetapan **Akaun**, sentuh jenis akaun.
2. Sentuh akaun dengan tetapan penyegerakan yang ingin diubah. Skrin data dan penyegerakan terbuka, memaparkan senarai jenis maklumat yang boleh disegerakkan oleh akaun.
3. Dayakan item yang ingin sentiasa disegerakkan dengan meleret suis data masing-masing ke kanan (🔴). Untuk menyahdayakan penyegerakan automatik data, leret suis data masing-masing ke kiri (🔵).

Menggunakan aplikasi lain


Menggunakan kalendar

Guna **Kalendar** untuk mencipta dan menguruskan peristiwa, mesyuarat dan janji temu. Bergantung pada tetapan penyegerakan anda, kalendar pada telefon anda akan sentiasa disegerak dengan kalendar anda pada web.


Membuka kalendar

Sentuh  > **Kalendar** () untuk membuka aplikasi. Sentuh  untuk memaparkan pelbagai pilihan paparan dan tetapan.

Mencipta peristiwa

1. Pada mana-mana paparan kalendar, sentuh  > **Peristiwa** untuk mula menambah peristiwa.
2. Masukkan tajuk peristiwa, lokasi atau kenalan.
 - Jika terdapat rangka masa untuk peristiwa, sentuh tarikh permulaan dan akhir serta garis masa untuk memilih tarikh dan tempoh peristiwa.
 - Jika ia peristiwa khas seperti hari jadi atau peristiwa sepanjang hari, leret suis **Sepanjang hari** ke kanan (🔴) untuk mendayakan fungsi.
3. Pilih zon waktu yang sesuai.
4. Tentukan pengulangan peristiwa tersebut.
5. Tetapkan masa peringatan peristiwa anda, jemput orang, tetapkan warna dan tambah apa-apa nota atau lampiran.
6. Selepas semua tetapan selesai, sentuh **SIMPAN**.

Menetapkan peringatan peristiwa

1. Pada mana-mana paparan kalendar, sentuh peristiwa untuk melihat butiran atau ringkasan peristiwa.
2. Sentuh  untuk mula mengedit peristiwa tersebut.
3. Sentuh bahagian peringatan (🔔) untuk menetapkan masa peringatan sebelum peristiwa apabila anda ingin diperingatkan. Apabila tiba masanya, anda akan menerima pemberitahuan tentang peristiwa.

Nota:



Sentuh **Tiada pemberitahuan** untuk memadam peringatan bagi acara tersebut.

4. Sentuh **SIMPAN** untuk menyimpan pengubahsuaian.



Menggunakan penggera

Anda boleh menetapkan penggera baharu atau mengubah suai penggera sedia ada.

Membuka penggera

Sentuh  > **Jam** (🕒) >  untuk menggunakan penggera telefon bimbit anda. Di sini anda akan melihat senarai butiran penggera semasa.

Menambah penggera

1. Pada skrin senarai penggera, sentuh  untuk menambah penggera.
2. Untuk menetapkan penggera, lakukan yang berikut:
 - Tetapkan jam dan minit dengan menavigasi di sekitar dial dan sentuh **OK**.
 - Untuk menetapkan mod ulangan, tanda kotak semak **Ulang**. Sentuh satu atau lebih banyak pilihan.
 - Untuk menetapkan nada dering, sentuh . Sentuh pilihan, kemudian sentuh **OK**.
 - Untuk bergetar apabila penggera berbunyi, sentuh kotak semak **Getar**.
 - Untuk menambah label penggera, sentuh **Label**. Masukkan label, kemudian sentuh **OK**.

Nota:

Secara lalai, penggera diaktifkan secara automatik.

Kalkulator



S60 dilengkapi dengan kalkulator yang mempunyai mod standard dan lanjutan.

Membuka kalkulator

Sentuh  > **Kalkulator** (🧮) untuk membuka aplikasi.

Putar telefon kepada mod landskap untuk mencapai mod kalkulator lanjutan. Pastikan bahawa putaran auto didayakan (lihat: Menetapkan paparan).

Menguruskan telefon bimbit anda



Untuk mengkonfigurasi telefon bimbit anda, sentuh  > **Tetapan** (.

Menetapkan tarikh dan masa

Apabila anda menghidupkan telefon buat kali pertama, anda akan ditanya sama ada anda mahu masa dan tarikh dikemas kini secara automatik menggunakan masa yang disediakan oleh rangkaian.

Nota:

Apabila masa yang disediakan oleh rangkaian digunakan secara automatik, anda tidak dapat menetapkan tarikh, masa dan zon waktu.


1. Pada skrin **Tetapan**, sentuh **Tarikh & masa**.
2. Leret suis **Tarikh & masa automatik** ke kiri () untuk menyahdayakan fungsi.
3. Leret suis **Zon waktu automatik** ke kiri () untuk menyahdayakan fungsi.
4. Sentuh **Tetapkan tarikh**. Pada skrin penetapan tarikh, sentuh tarikh yang dikehendaki dan sentuh **OK** apabila konfigurasi selesai.
5. Sentuh **Tetapkan waktu**. Pada skrin penetapan masa, sentuh medan jam atau minit dan gerakkan penuding ke atas atau ke bawah untuk menetapkan masa. Sentuh **OK** apabila konfigurasi sudah selesai.
6. Sentuh **Pilih zon waktu**, dan kemudian pilih zon waktu yang diinginkan daripada senarai. Tatal senarai untuk melihat lebih banyak zon waktu.
7. Dayakan atau nyahdayakan fungsi **Gunakan format 24 jam** untuk menukar antara format 24 jam dan format 12 jam.

Menetapkan paparan

Melaraskan kecerahan skrin

1. Pada skrin **Tetapan**, sentuh **Paparan** > **Tahap kecerahan**.
2. Seret penggelongsor ke kiri untuk menjadikan skrin lebih gelap atau ke kanan untuk menjadikannya lebih cerah.
3. Sebaik sahaja anda mengangkat jari anda dari penggelongsor, tetapan anda akan disimpan secara automatik.

Nota:

Leret suis **Kecerahan Mudah Suai** ke kanan () untuk menetapkan peranti supaya melaraskan kecerahan skrin secara automatik bergantung pada cahaya persekitaran.

Putar skrin secara auto

Sentuh **Apabila peranti diputar** dan tetapkan tetapan kepada **Putar kandungan skrin** untuk menetapkan supaya paparan berputar apabila anda memutar telefon antara landskap dan potret.


Melaraskan tempoh masa sebelum skrin dimatikan

Jika telefon bimbit anda dibiarkan melahu buat suatu tempoh masa, skrin akan dipadamkan untuk menjimatkan kuasa bateri. Untuk menetapkan masa melahu yang lebih lama atau singkat, lakukan yang berikut:

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Paparan > Tidur**.
2. Pilih jangka masa skrin akan kekal dihidupkan.

Menetapkan nada dering telefon

Menghidupkan mod senyap

1. Tekan dan tahan kekunci **Kuasa**.
2. Sentuh  untuk mendayakan mod senyap. Kemudian semua bunyi kecuali media dan penggera akan diredamkan.

Melaraskan kelantangan nada dering

Anda boleh melaraskan kelantangan deringan apabila anda berada di skrin Utama atau mana-mana skrin aplikasi (kecuali semasa panggilan dibuat atau semasa memainkan muzik atau video). Tekan kekunci **Naik/turun kelantangan** untuk melaraskan kelantangan deringan kepada tahap yang diinginkan. Anda juga boleh melaraskan kelantangan deringan pada skrin tetapan.

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Bunyi & pemberitahuan**.
2. Dalam **Kelantangan deringan**, seret penggelongsor untuk melaraskan tahap kelantangan.

Mengubah nada dering telefon

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Bunyi & pemberitahuan**.
2. Sentuh **Nada dering telefon**.
3. Pilih nada dering yang ingin digunakan. Nada dering dimainkan apabila dipilih.
4. Sentuh **OK**.

Menetapkan telefon anda untuk bergetar bagi panggilan masuk

Pada skrin Tetapan, sentuh **Bunyi & pemberitahuan**, dan leret suis **Juga bergetar untuk panggilan** ke kanan () untuk menetapkan telefon anda supaya bergetar bagi panggilan masuk.

Nota:

Anda juga boleh mendayakan ini melalui kekunci Turun kelantangan.




Mengkonfigurasi kekunci boleh diprogramkan

Anda boleh memperuntukkan kekunci **Boleh Diprogramkan** untuk melaksanakan pelbagai fungsi apabila anda menekan butang. Lihat halaman 1.

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Kekunci Boleh Diprogramkan**.
2. Pilih kaedah menekan butang. Kemudian pilih tindakan daripada senarai untuk diperuntukkan pada kekunci **Boleh Diprogramkan** itu.
3. Sentuh **OK**.


Menggunakan panduan pengguna & pilihan

Gunakan pilihan ini untuk melihat tutorial tentang cara menggunakan peranti anda, memperuntukkan kekunci **Menu** untuk membangkitkan skrin atau mendayakan animasi amaran.

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Panduan Pengguna & Pilihan**.
2. Sentuh **Pengenalan S60** dan pilih topik yang diinginkan untuk melihat panduan visual.
3. Untuk mendayakan animasi amaran, lakukan yang berikut:
 - Leret suis **Kalis air** ke kanan () untuk mendayakan fungsi ini. Apabila didayakan, animasi amaran kalis air akan kelihatan pada skrin setiap kali penutup dibuka.
 - Leret suis **Pengesan air** ke kanan () untuk mendayakan fungsi ini. Apabila didayakan, mesej amaran akan muncul pada skrin apabila peranti melebihi kedalaman maksimum. Sila lihat suis **Air 5m** pada halaman 1.
4. Untuk membangkitkan skrin dengan dwitekan kekunci **Menu**, leret suis **Kekunci Utama** ke kanan ()

Menetapkan perkhidmatan telefon


Menghidupkan perayauan data

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Lagi > Rangkaian selular** dan pilih kad SIM yang ingin digunakan ciri data perayauan.
2. Leret suis **Perayauan data** ke kanan () untuk mendayakan fungsi perayauan data.

Nota:


Mencapai perkhidmatan data semasa perayauan mungkin dikenakan caj tambahan yang besar. Tanya pembekal khidmat rangkaian anda tentang bayaran perayauan data.

Menyahdaya perkhidmatan data

Pada skrin Tetapan, sentuh **Penggunaan data** dan leret suis **Data selular** ke kiri () untuk menyahdayakan fungsi perkhidmatan data.

Melindungi telefon bimbit anda

Mendayakan PIN kad SIM anda

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Keselamatan > Sediakan kunci kad SIM**.
2. Pilih kad SIM yang anda ingin gunakan ciri kunci PIN.
3. Leret suis **Kunci kad SIM** ke kanan () untuk mendayakan fungsi.
4. Masukkan PIN kad SIM, kemudian sentuh **OK**.

Untuk mengubah PIN kad SIM pada bila-bila masa, sentuh **Tukar PIN SIM**.

Nota:

Anda boleh mendail nombor kecemasan pada bila-bila masa daripada telefon bimbit anda.

Melindungi telefon bimbit anda dengan kunci skrin

Untuk memastikan data anda lebih selamat, kunci skrin dan/atau minta corak buka kunci skrin setiap kali telefon bimbit anda dihidupkan atau bangkit daripada mod tidur.

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Keselamatan > Kunci skrin**.
2. Pilih salah satu daripada pilihan yang tersedia.
 - Leret: Leret ke ikon kunci untuk membuka kunci telefon.
 - Corak: Lukis corak buka kunci yang betul pada skrin untuk membuka kunci telefon.
 - PIN: Masukkan nombor PIN untuk membuka kunci telefon.
 - Kata Laluan: Masukkan kata laluan untuk membuka kunci telefon.
3. Ikut arahan pada skrin untuk kaedah yang dipilih untuk melengkapkan tetapan.

Menggunakan NFC


NFC membolehkan pertukaran data antara dua peranti yang didayakan NFC, apabila kedua-dua peranti sama ada tersentuh atau berjauhan tidak lebih daripada beberapa sentimeter.

Mengaktifkan fungsi NFC

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Lagi**.
2. Leret suis **NFC** ke kanan (🔘) untuk mendayakan fungsi.
Fungsi **Android Beam** juga akan dihidupkan secara automatik.

Memancar kandungan melalui NFC

1. Dayakan fungsi NFC dan Android Beam.
2. Buka kandungan untuk dikongsikan. Anda boleh berkongsi kandungan laman web, video YouTube, kenalan dan banyak lagi.
3. Sandar bahagian belakang kedua-dua peranti terhadap satu sama lain, kemudian sentuh skrin anda. Aplikasi menentukan maklumat yang dipancarkan.




Menggunakan kekunci SOS

Nota:

Kekunci SOS mesti disediakan untuk berfungsi dengan betul.

Untuk mencapai butang **SOS**, hanya buka penutup butang SOS, kemudian tekan dan tahan butang **SOS** seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi di bawah selama 1.5 saat.



Secara lalai, kekunci SOS akan membolehkan anda menghantar mesej SMS tersuai yang ditentukan terlebih dahulu, termasuk lokasi semasa anda, kepada tiga kenalan yang ditentukan terlebih dahulu melalui apl **Amaran Lokasi** yang dipasang pada peranti. Walau bagaimanapun, sebelum kekunci boleh digunakan untuk menghantar mesej, anda perlu menentukan kandungan mesej tersuai tersebut dan penerima mesej itu.

Lokasi yang dikongsi oleh apl ini akan dipastikan oleh peranti mudah alih anda, dan hanya dihantar kepada penerima mesej yang anda tentukan. Ketepatan maklumat lokasi anda dan keupayaan anda untuk menghantar SMS melalui Amaran Lokasi berbeza-beza mengikut keadaan rangkaian, dan di kawasan tanpa liputan selular yang anda tidak dapat menggunakan fungsi ini. Anda juga mesti mendayakan fungsi **Lokasi (Tetapan > Lokasi)** dan memastikan kotak semak **Amaran Lokasi** telah ditanda (**Tetapan > Kekunci SOS**).



Atas sebab keselamatan, peranti anda perlu dibuka kunci untuk menggunakan fungsi ini. Jika anda ingin menggunakan fungsi ini di kawasan yang berbahaya, anda disyorkan untuk menetapkan masa **Tidur** paparan yang berjangka panjang supaya peranti anda kekal terbuka buat masa yang lebih lama (**Tetapan > Paparan > Tidur**), atau anda boleh memilih untuk menyahdayakan Kunci skrin buat sementara (**Tetapan > Keselamatan > Kunci skrin**).

Membuka Amaran Lokasi

Untuk membuka aplikasi, lakukan salah satu daripada yang berikut:

- Tekan butang **SOS** selama 1.5 saat.
- Sentuh  > **Amaran Lokasi** (.

Mengkonfigurasi tetapan

1. Sentuh  > **Amaran Lokasi** (.
2. Apabila anda membuka **Amaran Lokasi**, halaman Penafian akan muncul. Sentuh **OK** untuk meneruskan.

3. Sentuh butang **TETAPAN** untuk mengkonfigurasi tetapan, kemudian:

- Sentuh medan **Kandungan Mesej**, edit mesej yang anda ingin hantar kepada penerima dalam tettingkap timbul **Edit Mesej**, dan sentuh **OK**.
- Sentuh **TAMBAH KENALAN BAHARU** untuk mendaftar kenalan baharu. Masukkan nama dan nombor telefon. Kemudian sentuh **OK**. Kenalan baharu itu akan dipaparkan dalam senarai Kenalan Kecemasan.

Petua: Sentuh **TAMBAH KENALAN SEDIA ADA** untuk menambah kenalan yang telah disimpan pada peranti anda sebagai penerima.

Nota:

Anda boleh menambah sehingga 3 kenalan.

- Untuk kembali ke skrin sebelumnya, sentuh ← atau tekan butang **Kembali**.

4. Sentuh **PEMASA KESELAMATAN** untuk mengaktifkan fungsi amaran lokasi dan menghantar mesej amaran selepas masa yang ditetapkan. Tetapkan pemasa dan sentuh **TETAPKAN**.

Nota:

Apabila fungsi ini diaktifkan, mesej amaran akan dihantar kepada penerima yang ditentukan oleh anda selepas pemasa mencapai sifar, melainkan anda menyentuh butang berhenti.




5. Sentuh **HANTAR AMARAN LOKASI SEKARANG** untuk menghantar mesej teks dengan sertamerta kepada kenalan Kecemasan anda.

Menguruskan aplikasi

Melihat Aplikasi yang dipasang

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Apl**.

2. Dalam senarai aplikasi, lakukan mana-mana yang berikut:

- Sentuh  untuk mengkonfigurasi tetapan apl.
- Sentuh  > **Tunjuk sistem** untuk memaparkan apl sistem.
- Sentuh  > **Tetap semula keutamaan apl** > **TETAP SEMULA APL** untuk menetapkan semula keutamaan apl kepada tetapan lalainya.
- Sentuh aplikasi untuk melihat butiran secara langsung.

Mengalih keluar Aplikasi yang dipasang

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Apl**.

2. Sentuh aplikasi, kemudian sentuh **NYAHPASANG** > **OK** untuk mengalih keluar aplikasi daripada telefon bimbit anda.

Nota:

Aplikasi prapasang tidak boleh dipadamkan.

Menetapkan semula telefon bimbit anda

Menyandarkan tetapan saya

Anda boleh menyandarkan tetapan telefon bimbit anda kepada pelayan Google menggunakan akaun Google anda. Jika anda menggantikan telefon bimbit anda, tetapan yang telah disandarkan akan disimpan pada telefon bimbit baharu tersebut pada kali pertama anda mendaftar masuk dengan akaun Google anda.

1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Sandaran & tetapan semula**.
2. Leret suis **Sandarkan data saya** ke kanan (🔘) untuk mendayakan fungsi.

Memulihkan data kilang

Jika anda menetapkan semula telefon anda kepada tetapan yang dikonfigurasi di kilang, semua data peribadi anda dalam storan dalaman telefon, termasuk maklumat tentang Akaun Google anda, mana-mana akaun lain, tetapan sistem dan aplikasi anda, serta mana-mana aplikasi yang dimuat turun akan dipadamkan. Menetapkan semula telefon tidak memadam mana-mana kemas kini perisian sistem yang telah dimuat turun atau mana-mana fail pada kad mikroSD anda, seperti muzik atau gambar.


1. Pada skrin Tetapan, sentuh **Sandaran & tetapan semula > Tetapan semula data kilang**.
2. Apabila digesa, sentuh **TETAP SEMULA TELEFON**, kemudian sentuh **PADAM SEMUA**. Telefon bimbit akan menetapkan semula tetapan kepada tetapan kilang asal, kemudian dimulakan semula.

Tetapan semula perkakasan peranti anda

Peranti ini mempunyai bateri dalaman dan oleh itu perkakasan tidak boleh ditetapkan semula dengan mengalih keluar bateri. Jika anda perlu menetapkan semula perkakasan, sila ikut langkah yang disenaraikan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa tindakan ini mungkin diperlukan sekiranya anda melihat peranti tidak dicaskan walaupun selepas disambungkan kepada pengecas daripada saluran kuasa dinding anda.

Terdapat dua kaedah untuk menetapkan semula peranti anda:

- Tarik selak penutup kad ke belakang untuk mencapai lubang tetapan semula. Kemudian masukkan klip kertas ke dalam lubang tetapan semula untuk menetapkan semula peranti. Selepas peranti ditetapkan semula, hidupkan telefon seperti biasa.




- Tekan kekunci **Naik kelantangan** dan **Kuasa** sehingga peranti dimatikan. Selepas peranti ditetapkan semula, ia akan dimulakan semula secara automatik.

Melihat E-label

Untuk melihat maklumat kawal selia pada telefon bimbit anda, lakukan yang berikut:

1. Daripada skrin Utama, sentuh  > **Tetapan** ().
2. Pada skrin Tetapan, sentuh **Perihal telefon** > **Maklumat undang-undang**.



Lampiran

Amaran dan Langkah Berjaga-jaga

Bahagian ini mengandungi maklumat penting yang berkaitan dengan arahan pengendalian peranti anda. Ia juga mengandungi maklumat tentang cara menggunakan peranti ini dengan selamat. Baca maklumat ini dengan teliti sebelum menggunakan peranti anda.

Sarung kalis air

Penutup USB dan bicu Set Kepala mesti kemas pada tempatnya, dan penutup belakang mesti ditutup dengan kemas dan dikunci untuk memastikan peranti dapat memenuhi tahap perlindungan ini.

Peranti elektronik

Matikan peranti anda jika penggunaan peranti adalah dilarang. Jangan gunakan peranti apabila penggunaan peranti akan mengakibatkan bahaya atau gangguan dengan peralatan elektronik.

Peranti perubatan

Patuhi peraturan dan pengawalaturan yang ditetapkan oleh hospital dan kemudahan penjagaan kesihatan. Jangan gunakan peranti anda apabila penggunaan peranti ini dilarang.

Pengilang perentak jantung mengesyorkan bahawa jarak minimum 15 cm dikekalkan di antara peranti dan perentak jantung untuk mengelakkan potensi gangguan terhadap perentak jantung itu. Jika anda menggunakan perentak jantung, gunakan peranti di bahagian yang bertentangan dengan perentak jantung itu dan jangan bawa peranti di dalam poket hadapan anda.

Udara berpotensi mudah meletup

Matikan peranti anda di mana-mana kawasan dengan udara yang berpotensi mudah meletup, dan patuhi semua papan tanda dan arahan. Kawasan yang mungkin mengandungi udara yang berpotensi mudah meletup termasuklah kawasan yang anda biasanya dinasihatkan untuk mematikan enjin kenderaan anda. Pencetusan percikan api di kawasan sedemikian boleh menyebabkan letupan atau kebakaran, mengakibatkan kecederaan tubuh badan ataupun kematian. Jangan hidupkan peranti anda di tempat pengisian minyak seperti stesen minyak. Patuhi larangan penggunaan peralatan radio di depot minyak, tempat simpanan minyak, kawasan pengagihan minyak dan loji kimia. Selain itu, patuhi sekatan di kawasan yang sedang menjalankan operasi peletupan. Sebelum menggunakan peranti, berhati-hati terhadap kawasan yang mempunyai udara berpotensi mudah meletup yang biasanya, namun tidak sentiasa, ditanda dengan jelas. Lokasi sedemikian termasuk kawasan di bawah geladak bot, kemudahan pemindahan atau penyimpanan bahan kimia, dan kawasan yang udaranya mengandungi bahan kimia atau partikel seperti biji-bijian, habuk atau serbuk logam. Tanya pengilang kenderaan yang menggunakan gas petroleum cair (seperti propana atau butana) sama ada peranti ini boleh digunakan dengan selamat di sekitarnya.

Keselamatan trafik

Patuhi undang-undang dan peraturan tempatan semasa menggunakan peranti. Selain itu, jika anda sedang menggunakan peranti semasa memandu kenderaan, patuhi garis panduan yang berikut:

Tumpukan perhatian pada pemanduan. Tanggungjawab pertama anda adalah untuk memandu dengan selamat.

Jangan bercakap pada peranti semasa memandu. Gunakan aksesori bebas tangan.

Apabila anda perlu membuat atau menjawab panggilan, hentikan kenderaan di tepi jalan sebelum menggunakan peranti anda.

Isyarat RF mungkin menjejaskan sistem elektronik kenderaan bermotor. Untuk maklumat lanjut, rujuk pengilang kenderaan.

Di dalam kenderaan bermotor, jangan letakkan peranti pada atau di dalam kawasan beg udara. Jika tidak, peranti mungkin mencederakan anda disebabkan oleh daya yang kuat apabila beg udara mengembang.

Jangan gunakan peranti anda semasa penerbangan di dalam pesawat. Matikan peranti anda sebelum menaiki pesawat. Menggunakan peranti wayarles dalam pesawat mungkin menyebabkan bahaya terhadap operasi pesawat dan mengganggu rangkaian telefon wayarles. Ia juga boleh dianggap menyalahi undang-undang.

Persekitaran pengendalian

Jangan guna atau cas peranti di tempat yang berdebu, lembap dan kotor atau tempat dengan medan magnet. Jika tidak, ia boleh menyebabkan kerosakan litar.

Peranti ini mematuhi spesifikasi RF apabila peranti digunakan berhampiran telinga anda atau pada jarak 1.0 cm dari badan anda. Pastikan aksesori peranti seperti sarung peranti dan beg peranti tidak terdiri daripada komponen logam. Pastikan peranti anda berada sejauh 1.0 cm dari badan anda untuk memenuhi keperluan yang dinyatakan sebelum ini.

Pada hari beribut petir, jangan gunakan peranti anda semasa ia sedang dicas, untuk mencegah apa-apa bahaya yang disebabkan oleh kilat.

Apabila anda sedang membuat panggilan, jangan sentuh antena. Menyentuh antena akan menjejaskan kualiti panggilan dan mengakibatkan peningkatan penggunaan kuasa. Sebagai akibat, masa perbualan dan masa tunggu sedia dikurangkan.

Semasa menggunakan peranti, patuhi undang-undang dan peraturan tempatan, dan hormati privasi dan hak undang-undang orang lain.

Pastikan suhu persekitaran antara 0° C hingga 40° C ketika peranti sedang dicaskan. Pastikan suhu persekitaran antara -10 ° C hingga 45 ° C bagi penggunaan peranti yang dikuasakan oleh bateri.

Pencegahan kerosakan pendengaran

Menggunakan set kepala pada kelantangan yang tinggi boleh merosakkan pendengaran anda. Untuk mengurangkan risiko kerosakan pendengaran, rendahkan kelantangan set kepala kepada tahap yang selamat dan selesa.

Keselamatan kanak-kanak

Patuhi semua langkah keselamatan berhubung dengan keselamatan kanak-kanak. Membiarkan kanak-kanak bermain dengan peranti anda atau aksesori, yang mungkin termasuk bahagian yang boleh ditanggalkan daripada peranti, boleh menjadi berbahaya, kerana ia mungkin mendatangkan bahaya tercekik. Pastikan kanak-kanak kecil dijauhkan daripada peranti dan aksesori.

Aksesori

Hanya pilih bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan oleh pengilang peranti untuk digunakan dengan model ini. Penggunaan apa-apa jenis pengecas atau aksesori lain boleh membatalkan mana-mana waranti untuk peranti, boleh melanggar undang-undang atau peraturan tempatan, dan boleh menjadi berbahaya. Sila hubungi wakil penjual anda untuk maklumat tentang ketersediaan bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan di kawasan anda.

Bateri dan pengecas

Cabut palam pengecas daripada saluran kuasa dan peranti apabila tidak digunakan.

Bateri boleh dicas dan dinyahcas beratus-ratus kali sebelum ia akhirnya menjadi usang.

Gunakan bekalan kuasa AC yang ditakrifkan dalam spesifikasi pengecas. Voltan kuasa yang tidak sesuai boleh menyebabkan kebakaran atau kepincangan pengecas.

Jika elektrolit bateri bocor, pastikan elektrolit tidak tersentuh kulit dan mata anda. Apabila elektrolit tersentuh kulit atau terpercik ke dalam mata anda, basuh mata menggunakan air bersih dengan segera dan jumpa doktor anda.

Sekiranya bateri menjadi cacat, bertukar warna atau pemanasan luar biasa berlaku ketika anda mengecas, hentikan penggunaan peranti dengan segera. Jika tidak, ia mungkin membawa kepada kebocoran bateri, pemanasan lampau, letupan atau kebakaran.

Jika kabel kuasa rosak (contohnya, kord terdedah atau rosak) atau palam longgar, berhenti menggunakan kabel dengan segera. Jika tidak, ia boleh membawa kepada kejutan elektrik, litar pintas pengecas atau kebakaran.

Jangan buang peranti ke dalam api kerana ia boleh meletup. Bateri juga boleh meletup jika rosak.

Jangan ubah suai atau kilang semula, cuba untuk memasukkan objek asing ke dalam peranti, tenggelamkan atau mendedahkan kepada air atau cecair lain, mendedahkan kepada api, letupan atau bahaya lain.

Elakkan daripada menjatuhkan peranti. Jika peranti terjatuh, terutamanya pada permukaan keras, dan pengguna mengesyaki terdapat kerosakan, bawa peranti ke pusat servis yang sah untuk diperiksa.

Penggunaan tidak wajar boleh mengakibatkan kebakaran, letupan atau bahaya lain.

Buang peranti yang telah digunakan dengan segera mengikut peraturan tempatan.

Peranti ini hanya boleh disambungkan kepada produk yang mempunyai logo USB-IF atau telah melengkapkan program pematuhan USB-IF.

Pengadaran output pengecas DC 5V 1A.

AWAS – TERDAPAT RISIKO MELETUP JIKA BATERI DIGANTIKAN DENGAN JENIS YANG SALAH. BUANG BATERI TERPAKAI MENGIKUT ARAHAN.

Pembersihan dan penyelenggaraan

Pengecas tidak kalis air. Pastikan ia sentiasa kering. Lindungi pengecas daripada air atau wap. Jangan sentuh pengecas dengan tangan yang basah, jika tidak ia akan membawa kepada litar pintas, kepincangan peranti dan kejutan elektrik kepada pengguna.

Jangan letakkan peranti dan pengecas anda di tempat yang ia boleh rosak disebabkan oleh perlanggaran. Jika tidak, ia mungkin membawa kepada kebocoran bateri, kepincangan peranti, pemanasan lampau, kebakaran atau letupan.

Jangan letakkan media storan bermagnet seperti kad magnet dan cakera liut berhampiran peranti. Radiasi daripada peranti mungkin memadam maklumat yang tersimpan padanya.

Jangan biarkan peranti dan pengecas anda di tempat dengan suhu tinggi atau rendah yang melampau. Jika tidak, ia mungkin tidak berfungsi dengan betul dan mungkin membawa kepada kebakaran atau letupan. Apabila suhu lebih rendah daripada 0° C, prestasi bateri terjejas.

Jangan letakkan objek logam yang tajam seperti pin berhampiran alat dengar. Alat dengar mungkin menarik objek ini dan mencederakan anda apabila menggunakan peranti.

Sebelum anda membersihkan atau menyelenggara peranti, matikan peranti dan putus sambungan daripada pengecas.

Jangan gunakan apa-apa bahan pencuci kimia, serbuk atau agen kimia lain (seperti alkohol dan benzena) untuk membersihkan peranti dan pengecas. Jika tidak, bahagian-bahagian peranti mungkin rosak atau mungkin mengakibatkan kebakaran. Anda boleh membersihkan peranti dengan kain antistatik lembut.

Jangan ceraikan peranti atau aksesori. Jika tidak, waranti pada peranti dan aksesori menjadi tidak sah dan pengilang tidak bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kerosakan.

Jika skrin peranti rosak kerana terlanggar objek keras, jangan sentuh atau cuba menanggalkan bahagian yang rosak. Dalam keadaan ini, berhenti menggunakan peranti dengan segera, dan kemudian hubungi pusat servis yang bertauliah.

Keserasian Alat Bantuan Pendengaran (HAC)

Peraturan bagi peranti wayarles

Telefon ini telah diuji dan dinilai untuk penggunaan dengan alat bantuan pendengaran bagi sesetengah teknologi wayarles yang ia gunakan. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat teknologi wayarles baharu yang digunakan dalam telefon ini yang masih belum diuji untuk penggunaan dengan alat bantuan pendengaran. Amat penting untuk mencuba ciri-ciri berlainan telefon ini secara menyeluruh dan di lokasi yang berbeza, menggunakan alat bantuan pendengaran atau implan koklea anda, untuk menentukan sama ada anda mendengar apa-apa bunyi mengganggu. Rujuk pembekal perkhidmatan anda atau pengilang telefon ini untuk mendapatkan maklumat tentang keserasian alat bantuan pendengaran. Jika anda mempunyai soalan tentang dasar pemulangan atau pertukaran, rujuk pada pembekal atau peruncit telefon anda.

Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan Amerika Syarikat (FCC) telah mewujudkan syarat bagi peranti mudah alih wayarles digital supaya serasi dengan alat bantuan pendengaran dan peranti bantuan pendengaran lain.

Industri telefon wayarles telah membangunkan sistem pengedaran bagi peranti mudah alih wayarles untuk membantu pengguna peranti bantuan pendengaran mencari peranti mudah alih yang mungkin serasi dengan peranti pendengaran mereka.

Pengedaran tersebut bukan suatu jaminan. Keputusan berbeza-beza bergantung pada peranti pendengaran dan kehilangan pendengaran pengguna. Jika peranti pendengaran anda kebetulan mudah terjejas kerana gangguan, anda mungkin tidak dapat menggunakan telefon yang terkadar dengan berjaya. Mencuba peranti mudah alih dengan peranti pendengaran anda adalah cara terbaik untuk menilainya bagi keperluan peribadi anda.

FCC telah mula menggunakan peraturan HAC bagi telefon wayarles digital. Peraturan ini mewajibkan telefon tertentu diuji dan dikadarkan di bawah piawai keserasian alat bantuan pendengaran Institut Piawai Kebangsaan Amerika Syarikat (ANSI) C63.19-2011. Piawai ANSI bagi keserasian alat bantuan pendengaran mengandungi dua jenis pengedaran:

Pengedaran M: Telefon berkadar M3 atau M4 memenuhi syarat FCC dan berkemungkinan menjana kurang gangguan kepada peranti pendengaran berbanding dengan telefon yang tidak dilabelkan. M4 adalah pengedaran yang lebih baik/lebih tinggi berbanding dengan M3.

Pengedaran T: Telefon berkadar T3 atau T4 memenuhi syarat FCC dan berkemungkinan lebih serasi dengan gegelung telefon ("Suis T" atau "Suis Telefon") peranti pendengaran berbanding dengan telefon yang tidak terkadar. T4 adalah pengedaran yang lebih baik/lebih tinggi berbanding dengan T3. (Ambil perhatian, bukan semua peranti pendengaran mempunyai gegelung telefon di dalamnya.)

Pengedaran M dan Pengedaran T yang diuji untuk peranti ini (FCC ID: ZL5S60), M3 dan T4.

Panggilan kecemasan

Anda boleh menggunakan peranti anda untuk membuat panggilan kecemasan di kawasan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sambungan tidak boleh dijamin dalam semua keadaan. Anda tidak harus bergantung semata-mata pada peranti untuk komunikasi penting.

Pernyataan FCC

Peranti ini mematuhi bahagian 15 Peraturan FCC. Pengendalian tertakluk kepada dua syarat berikut: (1) Peranti ini tidak boleh mengakibatkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini hendaklah menerima apa-apa gangguan yang diterima, termasuk gangguan yang boleh menyebabkan pengendalian yang tidak diingini.

Antena yang digunakan untuk pemancar ini tidak boleh terletak bersama atau dikendalikan bersama dengan mana-mana antena atau pemancar lain.

Nota: Pemilihan kod negara hanya untuk model bukan A.S. dan tidak tersedia untuk semua model A.S. Mengikut peraturan FCC, semua produk WiFi yang dipasarkan di A.S. harus ditetapkan kepada saluran pengendalian A.S. sahaja.

Telefon bimbit ini telah diuji dan didapati mematuhi had bagi peranti digital Kelas B, menurut Bahagian 15 Peraturan FCC. Had ini direka untuk menyediakan perlindungan yang munasabah terhadap gangguan berbahaya bagi pemasangan kediaman. Peralatan ini menjana, menggunakan dan menyinar tenaga frekuensi radio dan, jika tidak dipasang dan digunakan mengikut arahan, boleh menyebabkan gangguan berbahaya kepada komunikasi radio. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa gangguan tidak akan berlaku dalam pemasangan tertentu. Jika peralatan ini benar-benar menyebabkan gangguan berbahaya untuk penerimaan radio atau televisyen, yang boleh ditentukan dengan menghidupkan dan mematikan peralatan, pengguna digalakkan untuk cuba membetulkan gangguan dengan satu atau lebih langkah berikut:

- Ubah orientasi atau tempatkan semula antena penerima.
- Tingkatkan jarak pemisahan antara peralatan dan penerima.
- Sambungkan peralatan kepada saluran kuasa yang berada pada litar berlainan daripada yang disambungkan oleh penerima.
- Rujuk pengedar atau juruteknik radio/TV berpengalaman untuk mendapatkan bantuan.

Perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan secara nyata oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas pematuhan mungkin membatalkan keizinan pengguna untuk mengendalikan peralatan.

Pernyataan Industri Kanada

Peranti ini mematuhi piawai RSS yang dikecualikan lesen Industri Kanada. Pengendalian tertakluk kepada dua syarat berikut:

- (1) peranti ini mungkin tidak menyebabkan gangguan, dan
- (2) peranti ini hendaklah menerima apa-apa gangguan, termasuk gangguan yang mungkin menyebabkan pengendalian yang tidak diingini pada peranti.

Peranti ini mematuhi piawai RSS yang dikecualikan lesen Industri Kanada. Pengendalian tertakluk kepada dua syarat berikut:

- (1) peranti ini mungkin tidak menyebabkan gangguan, dan
- (2) peranti ini hendaklah menerima apa-apa gangguan, termasuk gangguan yang mungkin menyebabkan pengendalian yang tidak diingini pada peranti.

Perkakas digital Kelas B ini mematuhi ICES-003; CAN ICES-3(B)/NMB-3(B) Kanada.

Pernyataan Pendedahan Radiasi:

Produk ini mematuhi had pendedahan RF mudah alih Kanada yang ditetapkan untuk persekitaran tidak terkawal dan selamat untuk pengendalian sebenar seperti yang diterangkan dalam manual ini. Pengurangan pendedahan RF selanjutnya boleh dicapai jika produk boleh ditempatkan sejauh yang mungkin dari badan pengguna atau menetapkan peranti kepada kuasa output yang lebih rendah jika fungsi sedemikian tersedia.

Bagi pengendalian yang dipakai pada badan, peranti ini telah diuji dan memenuhi garis panduan pendedahan IC RF untuk digunakan dengan aksesori yang tidak mengandungi logam dan menempatkan kedudukan gagang sekurang-kurangnya 1 cm dari badan. Penggunaan aksesori lain mungkin tidak memastikan pematuhan garis panduan pendedahan IC RF.

Pernyataan Pendedahan Radiasi:

Produk ini mematuhi had pendedahan RF mudah alih Kanada yang ditetapkan untuk persekitaran tidak terkawal dan selamat untuk pengendalian sebenar seperti yang diterangkan dalam manual ini. Pengurangan pendedahan RF selanjutnya boleh dicapai jika produk boleh ditempatkan sejauh yang mungkin dari badan pengguna atau menetapkan peranti kepada kuasa output yang lebih rendah jika fungsi sedemikian tersedia.

Bagi pengendalian yang dipakai pada badan, peranti ini telah diuji dan memenuhi garis panduan pendedahan IC RF untuk digunakan dengan aksesori yang tidak mengandungi logam dan menempatkan kedudukan gagang sekurang-kurangnya 1 cm dari badan. Penggunaan aksesori lain mungkin tidak memastikan pematuhan garis panduan pendedahan IC RF.

Peranti ini dan antenanya tidak boleh diletakkan bersama atau dikendalikan bersama dengan mana-mana antena atau pemancar lain, kecuali radio terbina dalam yang diuji. Ciri Pemilihan Kod Negara dinyahdayakan untuk produk yang dipasarkan di A.S./ Kanada.

Peranti ini dan antenanya tidak boleh diletakkan bersama atau dikendalikan bersama dengan mana-mana antena atau pemancar lain, kecuali radio terbina dalam yang diuji. Ciri Pemilihan Kod Negara dinyahdayakan untuk produk yang dipasarkan di A.S./ Kanada.

Maklumat pendedahan RF (SAR)

Peranti ini memenuhi syarat kerajaan bagi pendedahan kepada gelombang radio.

Peranti ini direka bentuk dan dikilangkan supaya tidak melebihi had pancaran bagi pendedahan kepada tenaga frekuensi radio (RF) yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan Kerajaan Amerika Syarikat.

Bagi pengendalian yang dipakai pada badan, peranti ini telah diuji dan memenuhi garis panduan pendedahan FCC RF untuk digunakan dengan aksesori yang tidak mengandungi logam dan menempatkan kedudukan gagang sekurang-kurangnya 1 cm dari badan. Penggunaan aksesori lain mungkin tidak memastikan pematuhan garis panduan pendedahan FCC RF.

Had SAR yang ditetapkan oleh FCC ialah 1.6W/kg.

SKU A.S.:

Nilai SAR tertinggi yang dilaporkan di bawah kawal selia FCC untuk telefon disenaraikan di bawah:

SAR Kepala: 0.76 W/kg

SAR Badan: 0.90 W/kg

SAR Penghala Wayarles: 1.04 W/kg

Untuk mengurangkan aras pendedahan kepada radiasi, sila lakukan yang berikut:

- (i) gunakan telefon bimbit dalam keadaan penerimaan yang baik,
- (ii) gunakan alat bebas tangan,
- (iii) bagi wanita hamil, sila pegang telefon bimbit jauh dari perut.
- (iv) gunakan telefon bimbit jauh dari alat kelamin.


Pencegahan kehilangan pendengaran

Syarat pernyataan amaran di bawah EN 60950-1: A2.



Untuk mencegah kemungkinan kerosakan pendengaran, jangan dengar pada aras kelantangan yang tinggi buat tempoh yang lama.

Nota: Bagi Perancis, fon kepala/fon telinga untuk peranti ini mematuhi syarat aras tekanan bunyi yang ditetapkan dalam piawai EN 50332-1:2013 dan/atau EN 50332-2:2013 yang berkaitan seperti yang dikehendaki oleh Perkara L.5232-1 Perancis.



Pernyataan Kepatuhan

Mematuhi syarat penting Perkara 3 Arahan R&TTE 1999/5/EC, jika digunakan untuk kegunaan sebenarnya dan piawai berikut telah digunakan:

1. Kesihatan (Perkara 3.1(a) Arahan R&TTE)

- EN 62311: 2008, EN 50360:2001/A1:2012, EN 50566:2013/AC:2014
- EN 62209-1:2006, EN 62209-2:2010
- EN 62479:2010

2. Keselamatan (Perkara 3.1(a) Arahan R&TTE)

- EN 60950-1:2006/A11:2009+A1:2010+A12:2011+A2:2013
- EN 50332-1:2013, 50332-2:2013

3. Keserasian elektromagnet (Perkara 3.1 (b) Arahan R&TTE)

- EN 301 489-1 V1.9.2, EN 301 489-3 V1.6.1
- EN 301 489-7 V1.3.1, EN 301 489-17 V2.2.1, EN 301 489-24 V1.5.1
- EN 55022:2010/AC:2011 Kelas B, EN55024:2010
- EN 55032:2012/AC:2013 Kelas B

4. Penggunaan spektrum frekuensi radio (Perkara 3.2 Arahan R&TTE)

- EN 301 511 V9.0.2, EN 301 908-1 V7.1.1
- EN 301 908-2 V6.2.1, EN 301 908-13 V6.2.1
- EN 300 328 V1.9.1
- EN 300 440-1 V1.6.1, EN 300 440-2 V1.4.1
- EN 302 291-1 V1.1.1, EN 302 291-2 V1.1.1
- EN 300 330-1 V1.8.1, EN 300 330-2 V1.6.1

5. Arahan RoHS (2011/65/EU)

- EN 50581: 2012

CE 0682

Pematuhan CE SAR

Peranti ini memenuhi syarat Kesatuan Eropah (1999/5/EC) berkenaan had pendedahan orang awam kepada medan elektromagnet dengan cara perlindungan kesihatan.

Had tersebut adalah sebahagian daripada cadangan terperinci untuk melindungi orang awam. Cadangan ini telah dibangunkan dan disemak oleh organisasi sains bebas melalui penilaian kajian saintifik secara kerap dan menyeluruh. Unit ukuran bagi had yang disyorkan untuk peranti mudah alih oleh Majlis Eropah adalah "Kadar Penyerapan Khusus" (SAR) dan had SAR adalah 2.0 W/kg dengan purata bagi 10 gram tisu. Ia memenuhi syarat Suruhanjaya Antarabangsa berkenaan Perlindungan Radiasi Tidak Mengion (ICNIRP).

Bagi pengendalian yang dipakai pada badan, peranti ini telah diuji dan memenuhi garis panduan pendedahan ICNIRP dan Piawai Eropah EN 62209-2, untuk digunakan dengan aksesori khas. Penggunaan aksesori lain yang mengandungi logam mungkin tidak memastikan pematuhan terhadap garis panduan pendedahan ICNIRP.

SAR diukur dengan peranti berjarak 5 mm dari badan, sambil memancar pada tahap kuasa output diperakui tertinggi dalam semua jalur frekuensi peranti mudah alih.

Nilai SAR tertinggi yang dilaporkan di bawah kawal selia CE untuk telefon disenaraikan di bawah:

SAR Kepala: 0.444 W/kg

SAR Badan: 1.080 W/kg

Untuk mengurangkan pendedahan kepada tenaga RF, gunakan aksesori bebas tangan atau pilihan lain yang serupa untuk memastikan peranti ini jauh daripada kepala dan badan anda. Bawa peranti ini dengan jarak sekurang-kurangnya 5 mm dari badan anda untuk memastikan tahap pendedahan kekal pada atau di bawah tahap yang diuji. Pilih klip tali pinggang, sarung atau aksesori serupa lain yang dipakai pada badan yang tidak mengandungi komponen logam untuk menyokong pengendalian dengan cara ini. Sarung dengan bahagian logam mungkin mengubah prestasi RF peranti, termasuk pematuhan garis panduan pendedahan RF, dengan cara yang belum diuji atau diperakui, dan penggunaan aksesori sedemikian perlu dielakkan.

Maklumat pelupusan dan kitar semula



Simbol ini pada peranti (dan mana-mana bateri yang dibekalkan) menunjukkan bahawa ia tidak boleh dibuang sebagai sampah rumah yang biasa. Jangan buang peranti atau bateri anda sebagai sampah perbandaran yang tidak terisih. Peranti (dan mana-mana bateri) harus diserahkan kepada tempat pengumpulan yang sah untuk kitar semula atau pelupusan wajar pada akhir hayatnya.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci tentang kitaran semula peranti atau bateri, hubungi majlis perbandaran tempatan anda, perkhidmatan pembuangan sampah rumah atau kedai anda membeli peranti ini.

Pelupusan alat ini adalah tertakluk kepada arahan Sisa daripada Peralatan Elektrik dan Elektronik (WEEE) Kesatuan Eropah. WEEE dan bateri perlu diasingkan daripada bahan buangan lain untuk meminimumkan potensi kesan alam sekitar terhadap kesihatan manusia daripada apa-apa bahan berbahaya yang mungkin hadir.

Pengurangan bahan berbahaya

Peranti ini mematuhi Peraturan Pendaftaran, Penilaian, Keizinan dan Sekatan Bahan Kimia (REACH) Kesatuan Eropah (Peraturan No. 1907/2006/EC Parlimen dan Majlis Eropah) dan Arahan Sekatan Bahan Berbahaya (RoHS) (Arahan 2011/65/EU Parlimen dan Majlis Eropah). Untuk maklumat lanjut tentang pematuhan REACH oleh peranti, lawati tapak Web www.catphones.com/certification. Anda digalakkan untuk melawat laman Web dengan kerap untuk mendapatkan maklumat terkini.

Pematuhan peraturan Kesatuan Eropah

Dengan ini, pengilang mengisytiharkan bahawa peranti ini mematuhi syarat yang penting dan peruntukan lain yang berkaitan Arahan 1999/5/EC.

Bagi pengisytiharan kepatuhan, kunjungi tapak Web

www.catphones.com/support/s60-smartphone.

Nota: Patuhi peraturan kebangsaan tempatan di lokasi yang peranti ini akan digunakan. Peranti ini mungkin dilarang untuk kegunaan di sesetengah atau semua negara anggota Kesatuan Eropah (EU).

Nota: Peranti ini boleh digunakan di semua negara anggota Kesatuan Eropah.

Perancis: Penggunaan luaran terhadap kepada 10 mW e.i.r.p. dalam jalur 2454-2483.5 MHz. Itali: Untuk kegunaan peribadi, keizinan am diperlukan jika WAS/RLAN digunakan di luar premis sendiri.

Untuk kegunaan awam, keizinan am diperlukan. Luxembourg: Keizinan am diperlukan untuk bekalan rangkaian dan perkhidmatan.

Norway: Subbahagian ini tidak berkaitan untuk kawasan geografi dalam lingkungan radius 20 km dari pusat bandar Ny-Llesund.

V100R001B03_01

Penyifatan undang-undang Google

Android, Google Play, logo Google Play dan tanda lain ialah tanda dagang Google Inc.

Spesifikasi Teknikal Kamera Haba Cat® S60

Modul kamera

Kamera haba dan visual dengan MSX

Sensor haba

Saiz piksel 17µm, julat spektrum 8-14 µm

Resolusi haba

80x60

Resolusi visual

640x480

HFOV / VFOV

46° ± 1° / 35° ± 1°

Kadar bingkai

8.7Hz

Fokus

Tetap 15cm - Infiniti

Pengatup terbina dalam

Automatik/Manual

Radiometri

Julat dinamik adegan

-20°C – 120°C

Ketepatan

Biasanya ±5°C atau ±5%

Peratus perbezaan antara suhu persekitaran dan suhu tempat adegan. Berkaitan 60s selepas permulaan apabila unit dalam lingkungan 15°C – 35°C dan tempat adegan adalah dalam lingkungan 10°C – 120°C.

Sensitiviti haba (MRDT)

150mK

MyFLIR

Imej Langsung

Haba (MSX)

Simpan Imej

jpeg Radiometrik

Simpan video (mpeg)

Haba (MSX) sebagai mpeg

Leret kepada VIS

Ya, dalam mod Edit

Palet

Besi, Hitam panas, Putih panas, Pelangi, Kontras, Artik, Lava, Paling Sejuk, Paling Panas

Skala IR

Automatik, Minimum/Maksimum Berkunci, Minimum/Maksimum Boleh Edit

Analisis Imej Haba

- Sehingga tiga meter titik yang boleh dialih
- ROI seluruh imej dengan minimum/maksimum/purata
- ROI 16x16pix Pusat dengan minimum/maksimum/purata

Tetapan kepancaran

Kusam: 95%, Separa Kusam: 80%,
Separa Kilat: 60%, Berkilat: 30%

Pemasa

Mati, 3s, 10s

Rakaman video selang masa

Tanggungan masa, Selang bingkai, Kadar main semula

Panorama

Ya

Lokasi GPS disimpan dalam imej

Ya

Eksport kepada analisis FLIR lain dan perisian pelaporan

Pautan daripada aplikasi MyFLIR ke Alat FLIR

Penjajaran pengguna

Ya